



buletin Mutiara

www.buletinmutiara.com

PERCUMA



1 – 9 APRIL, 2018



<http://www.facebook.com/buletinmutiara>
<http://www.facebook.com/cmlimguaneng>

Kami Sayang Pulau Pinang 13 rekod unik #UntukNegeriKita

Oleh : AINUL WARDAH SOHILLI

GEORGE TOWN - Bertemakan 'Saya ❤️ Pulau Pinang', Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng baru-baru ini memaklumkan 13 rekod unik yang telah dicatatkan dalam penggal Dewan Undangan Negeri Ke-13.

Sejurus memaklumkan 13 rekod unik tersebut, Guan Eng menzahirkan penghargaan dan ucapan terima kasih tidak terhingga kepada seluruh rakyat Pulau Pinang kerana memberi peluang kepada Pakatan Harapan terus memimpin negeri serta berkhidmat untuk rakyat negeri ini sejak 2008.

"Kami (pentadbiran negeri) percaya bahawa masih terdapat banyak lagi urusan dan kerja yang menanti untuk disempurnakan."

"Akan tetapi, telah tiba masanya mengembalikan kuasa kepada rakyat semula dan kami menghormati Perlembagaan Negeri Pulau Pinang serta prinsip-prinsip demokrasi dengan menyerahkan kembali kuasa untuk rakyat tentukan sama ada mahu memilih kami (Pakatan Harapan) sebagai Kerajaan Negeri ataupun parti lain sebagai kerajaan baru."

"Kami akur dan menghormati apa jua keputusan rakyat pada Pilihan Raya Umum Ke -14 (PRU14) yang bersih nanti," ucapnya ketika mengumumkan pembubaran DUN Pulau Pinang Penggal Ke-13, 9 April lalu dekat Komtar di sini.

Hadir sama, barisan Exco Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Pinang serta kepimpinan peringkat Parlimen dan tempatan.

Berikut adalah 13 rekod unik yang menyerlahkan kasih sayang #UntukNegeriKita Pulau Pinang:

1. Negeri berintegriti dan bersih dengan pengisytiharan aset oleh ahli pentadbiran negeri yang dicerminkan melalui lebih belanjawan tahunan setiap tahun, yang mana keuntungan terkumpul bagi 10 tahun berturut-turut adalah sebanyak RM719.3 juta, jauh melebihi prestasi 50 tahun di bawah

pentadbiran Kerajaan lama iaitu sebanyak RM373 juta.

2. Pengurangan hutang Kerajaan Negeri sebanyak 90 peratus dan merupakan negeri yang mempunyai jumlah hutang terendah di Malaysia iaitu RM62.06 juta.

3. Berjaya menjadikan Pulau Pinang yang dahulunya dikenali sebagai negeri terkotor di Malaysia atau 'Pulau Pinang Darul Sampah', kepada antara bandar raya yang paling bersih di antara negara-negara ASEAN.

4. Satu-satunya negeri di Malaysia yang tidak pernah mengenakan catuan air, dan jaminan tidak akan berlaku catuan air untuk 10 tahun akan datang. Pada masa sama, rakyat Pulau Pinang juga dapat menikmati kadar tarif domestik air terendah di Malaysia dengan kadar bayaran 32 sen setiap 1,000 liter untuk 35,000 liter pertama, berbanding dengan kadar dikenakan di Negeri Johor iaitu RM1.32 bagi jumlah yang sama.

5. Satu-satunya negeri di Malaysia yang tidak pernah menebang Hutan Simpanan Kekal walaupun seinci dalam tempoh 10 tahun ini, berbanding dengan negeri-negeri lain yang telah menebang 544,011 hektar Hutan Simpanan Kekal mereka.


6. Negeri Berkebajikan dengan pemberian wang tunai melalui pelbagai program rakyat dengan perbelanjaan melebihi RM412.6 juta dan juga menghapuskan miskin tegar.

7. Negeri Keusahawanan dengan jumlah pelaburan meningkat 90 peratus, pertambahan penerbangan baru dan penerbangan terus dari Doha, Hanoi, Ho Chi Minh dan Hainan telah mendorong bilangan pelancong meningkat lebih 100 peratus berbanding Kerajaan lama.

8. Pulau Pinang mencatatkan kadar kitar semula tertinggi di Malaysia iaitu sebanyak 38 peratus berbanding kadar nasional iaitu 22 peratus.

9. Pulau Pinang adalah di antara negeri yang paling selamat di Malaysia dengan pemasangan hampir 1,000 CCTV di seluruh negeri.

10. Memberikan peruntukan tahunan



untuk sekolah-sekolah agama dan ibunda, serta memperluaskan pendidikan STEM dan juga Revolusi Industri 4.0, termasuk pembinaan Perpustakaan Digital yang pertama di Malaysia di kawasan pulau dan Seberang Perai.

11. Berjaya mentransformasikan projek yang gagal di bawah pentadbiran lama seperti Bukit Bendera, Pusat Konvensyen SPICE, pemulihan projek perumahan terbengkalai Taman Majestic dan bangunan Komtar kepada projek

berjaya.

12. Menyediakan 25,555 unit rumah kos rendah (RM42,000) dan rumah kos sederhana rendah (RM72,500) iaitu 5 kali ganda lebih banyak daripada jumlah 5,154 unit rumah yang dibina oleh Kerajaan lama.

13. Memartabatkan Islam dengan meningkatkan peruntukan Hal Ehwal Agama Islam sebanyak 84 peratus serta peruntukan kepada agama-agama lain dengan mengiktiraf statusnya.

Kerajaan Negeri ambil berat, hargai pengorbanan pelajar

Oleh : WATAWA NATAF ZULKIFLI
Gambar : SHUM JIAN-WEI

GEORGE TOWN – Seramai 28 pelajar cemerlang Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) 2017 dengan Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK) 4.0 diraikan Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui majlis pemberian insentif RM1,000 berserta sijil di sini baru-baru ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, sungguhpun mempunyai jadual padat, beliau tetap mahu majlis tersebut dijalankan kerana menghargai pengorbanan para pelajar.

“Anda adalah jaguh dalam peperiksaan STPM... itulah sebabnya kita (Kerajaan Negeri) raikan anda hari ini, dan sungguhpun sibuk, saya cakap tidak boleh batalkan program ini.

“Ini kerana para pelajar telah belajar dengan bersungguh-sungguh, begitu sukar sampai (belajar) larut malam.

“Saya bergegas balik dari Pasir Gudang



KETUA MENTERI bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri merakam gambar kenangan bersama-sama para pelajar, ibu bapa dan barisan guru pada Majlis Anugerah Pelajar Cemerlang STPM Tahun 2017 di sini baru-baru ini.

(atas program rasmi) bagi meraikan hari bersejarah bagi semua pelajar cemerlang.

“Macam mana sibuk pun, saya cakap program ini kita mesti teruskan untuk

meraikan pelajar-pelajar cemerlang kerana saya yakin mereka tahu Kerajaan Negeri begitu ambil peduli dan ambil berat terhadap mereka.

“Apabila mereka habis pengajian, mereka pasti kembali ke Pulau Pinang,” ucapnya pada Majlis Anugerah Pelajar Cemerlang STPM Tahun 2017.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy; Setiausaha Politik Kepada Ketua Menteri, Wong Hon Wai dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim.

Dalam ucapan tersebut, Guan Eng turut menasihatkan para pelajar bahawa mereka tiada pilihan lain selain menguasai Revolusi Industri 4.0 agar tidak ketinggalan.

Katanya, untuk itu, Kerajaan Negeri memainkan banyak peranan seperti membelanjakan RM75 juta bagi pembiayaan program Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM); menubuhkan *Penang Tech Dome* (RM23 juta); pembinaan Perpustakaan Digital (PDL, RM3 juta); PDL Fasa II (RM10.8 juta) serta RM6 juta untuk 120,000 pelajar menghadiri kelas pengekodan secara percuma.

‘Penang Cun’ kempen jangka panjang promosi pelancongan Pulau Pinang

GEORGE TOWN - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berharap penjenamaan semula kempen pelancongan negeri, ‘Penang Cun’ akan menggandakan potensi Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan pilihan terbaik di rantau ini.

Mengulas lanjut, beliau memberitahu ‘Cun’ merupakan perkataan unik yang sering kali disebut-sebut oleh penduduk tempatan, untuk mencerminkan keindahan, keseronokan, kepuasan dan tarikan terhadap sesuatu perkara.

Justeru, Guan Eng berharap, dengan inisiatif terbaru Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang melalui agensinya

Penang Global Tourism (PGT) meluncurkan kempen ‘Penang Cun’ ini, ia akan mempromosikan lagi Pulau Pinang dalam pelbagai segmentasi pelancongan meliputi budaya, warisan, kepelbagaiannya, pendidikan dan terbaru dalam dunia makanan unik lagi lazat di peringkat dunia.

“(Penjenamaan semula kempen) ini merupakan kempen jangka panjang kita untuk mempromosikan lagi Pulau Pinang sebagai antara destinasi pelancong terbaik di dunia,” jelasnya pada sidang media majlis pelancaran kempen tersebut di sini baru-baru ini.

Turut serta, Timbalan Ketua Menteri I, Dato’ Mohd. Rashid Hasnon; Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy; Exco Pembangunan Pelancongan, Danny Law Heng

Kiang; Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri & Hal Ehwal Pengguna, Dato’ Abdul Malik Abul Kassim; Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Chong Eng; Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Utiliti, Lim Hock Seng dan Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato’ Sr. Rozali Mohamud.

Guan Eng yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan & Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam memberitahu, pentadbirannya sejak 2008 hingga sekarang masih menganggap sektor pelancongan merupakan salah satu penyumbang kepada perkembangan ekonomi utama negeri.

“Pulau Pinang mendapat begitu banyak pengiktirafan di peringkat antarabangsa dalam pelbagai segmen pelancongan negeri.

“Pulau Pinang kian dikenali kerana adanya bandar warisan dunia, makanan tempatan yang lazat, tersenarai antara bandar yang patut dilawati serta didiami oleh penduduk dunia dan pelbagai pengiktirafan lagi.

“Trafik penumpang yang melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA) pun mencatatkan bilangan tertinggi iaitu sejumlah 7.2 juta orang pada tahun lepas (2017)... dengan peningkatan 8 peratus berbanding 6.7 juta penumpang pada 2016,” ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih merangkap Ahli Parlimen Bagan.

Tambah Guan Eng, bagi trafik antarabangsa pulau, Pulau Pinang mencatatkan pertumbuhan 11 peratus pada 2017 berbanding tahun sebelumnya.

Bercakap pada sidang media sama, Ketua Pegawai Eksekutif PGT, Ooi Chok Yan menyatakan bahawa promosi ‘Penang Cun’ berkenaan digunakan dalam kempen sektor

pelancongan negeri sehingga tahun 2021.

Atas maksud itu, menurutnya, PGT telah menerbitkan makalah promosi dalam pelbagai bahasa antarabangsa seperti bahasa Cina, Jepun, Thailand, Vietnam, Korea dan Arab.

“Ia (makalah komersial pelbagai bahasa antarabangsa ini) mengandungi maklumat tentang apa yang diharapkan di Pulau Pinang, tips-tips berguna seperti pakaian yang sesuai dengan iklim setempat, bahasa-bahasa tempatan asas untuk berkomunikasi mudah di Pulau Pinang, hal ehwal tukaran mata wang dan bagaimana bergerak mudah di sekitar negeri ini.

“PGT juga menguruskan sistem e-kupon yang mana kupon e-kupon boleh dimuat turun untuk pelawat menikmati diskon dan faedah nilai ditambah ke tempat menarik, kedai makanan dan minuman serta produk dan perkhidmatan yang berkaitan dengan pelancongan,” ulas Chok Yan.

Bagi info lanjut serta tempahan e-kupon, layari laman web rasmi PGT, www.mypenang.gov.my atau muat turun aplikasi atas talian di telefon pintar anda!

MAJLIS PELANCARAN PROGRAM SAMBUTAN BULAN-BULAN AL-QURAN
PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2018M / 1439H

18 MAC 2018 (AHAD) • 7 MLM - 11 MLM MASJID AL-QAHHAR Ptg. DAMAR LAUT PULAU PINANG

YBHg. DATO DR MOHD IZHAR ARIFF HJ. JAHIRAH BINTI DATO DR MOHD IZHAR ARIFF PENSYARAH PEGAWAI KAJI DAN KERJA KEMERDEKAAN SEMASA JARATAN SYARIAH, PAKUSSA PENDIDIKAN DAN SAINS, PEMERINTAHAN

MAJLIS SAMBUTAN NUZUL AL-QURAN
PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2018M / 1439H

2 JUN 2018 (SABTU) • 8:00 PG - 11:00 MLM MASJID NEGERI PULAU PINANG

Objektif

- Menyemarakkan semangat cintakan Al-Quran di kalangan penduduk Negeri Pulau Pinang.
- Membudayakan program keilmuan di kalangan masyarakat.
- Mewujudkan persekitaran masyarakat yang harmoni berpadukan kepada Al-Quran dan al-Sunnah.
- Melahirkan generasi pelapis di dalam masyarakat Pulau Pinang yang sentiasa mendampingi Al-Quran dan majlis-majlis ilmu.

Perutusan
YB. DATO' HAJI ABDUL MALIK KASSIM EXCO HAL EHWAH AGAMA ISLAM PULAU PINANG

Salam sejahtera didekan kepada Muslimin dan Muslimat.

“Dan Kami turunkan kepadamu Al-Kitab (Al-Quran) untuk menjelaskan segala sesuatu dan petunjuk serta rahmat dan khabar gembira bagi orang-orang yang berserah diri” Demikianlah maklum ferman Allah S.W.T dalam surah An-Nahl ayat ke-89.

Al-Quran adalah ensiklopedia yang lengkap diutarkan kepada sekalian makhluk alam di bumi ini. Semua persoalan dan jawapan telah teribus di dalamnya. Generasi Al-Quran senantiasa membaca ayat-ayat suci Al-Quran mengajui ilmu-ilmu di dalamnya serta mengambil Al-Quran itu sebagai kitab pengajaran.

Al-Quran merupakan sumber pengetahuan utama dan petunjuk hidup para sahabat Rasulullah S.A.W. Walaupun kelika itu Al-Quran masih lagi diturunkan secara beransur-ansur.

Alhamdulillah dengan izin Allah S.W.T, kita masih lagi berkesempatan memartabatkan Al-Quran dalam program Bulan-Bulan Al-Quran kali ke-9 (Rejab, Syaaban dan Ramadan) sejak 2009 lagi.

Program yang telah menjangkau tahun ke-9 ini, penambahan telah dilaksanakan melalui program pengisian sepanjang Bulan-Bulan Al-Quran iaitu program Hafazan & Talqiq, Celik Al-Quran, Bacaan Kitab, Seminar Al-Quran, Nuzul Al-Quran, Khutbah Medium Wahyu Ibrah, Jelajah Irah Al-Quran, Street Dakwah, Tahsin & Tafsir.

Dengan bertemakan “Al-Islam Rahmatun Lil Alamin”, saya amat berharap sambutan pada tahun ini akan memperkenalkan lagi amai hadiah kita ke sisil Allah S.W.T. Seluruhnya itu, kita berjaya mewujudkan generasi yang serba boleh dan mempunyai kemahiran yang tinggi tentang ilmu-ilmu Al-Quran.

Akhir kata, ribuan terima kasih saya ucapkan kepada YTY Yang di-Pertua Negeri, Ketua Menteri, TMK1. Setiausaha Kerajaan Negeri, JHEA/PP, Jabatan Mufti, Masjid Negeri, KITAB dan semua yang terlibat menjayakan program bulan-bulan Al-Quran kali ini.

Majlis Sambutan Bulan-Bulan AL-QURAN 9
KALI KE
Peringkat Negeri Pulau Pinang 1439H / 2018M

18 MAC - 2 JUN 2018

السلام رحمة للعالمين
AL-ISLAM RAHMATUN LIL ALAMIN

Maklumat tanjat hubungi:
04-2619280 / 04-2502800

REJAB • SYAABAN • RAMADAN

Peruntuk hampir RM400 juta laksana projek tebatan banjir negeri sejak 2008

Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF

Gambar : M. TANUSHALINII

DATUK KERAMAT – Projek berimpak tinggi iaitu Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Pinang akan dilaksanakan dalam masa terdekat dengan anggaran kos projek mencecah RM136,000,000 (tidak termasuk Cukai Barang dan Perkhidmatan, GST).

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, peruntukan berkenaan telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11) sebanyak RM150 juta bagi menangani banjir kilat di sekitar kawasan anak-anak sungai dan lembangan Sungai Pinang.

Mengulas lanjut, tambah beliau, pelaksanaan berkenaan adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan, yang mana kini ia masih di peringkat pelantikan kontraktor.

“Projek ini akan menggunakan pendekatan reka bentuk dan bina.”

“Sebenarnya, pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Pulau Pinang telah mempunyai cadangan terhadap komponen-komponen skop projek yang akan dilaksanakan.

“Tetapi, ia tertakluk kepada pihak kontraktor bakal dilantik nanti jika mereka (kontraktor) mempunyai sebarang pindaan atau cadangan pendekatan lain yang difikirkan perlu dan sesuai,” jelasnya dalam sidang media berhubung status terkini RTB Sungai Pinang oleh JPS Negeri di Pusat Informasi Sungai Pinang, Lorong Kulit di sini 27 Mac lalu.



CHOW Kon Yeow (kiri sekali) ditemani Lim Siew Khim (dua dari kiri) dan Ahli-ahli Majlis MBPP ketika mengadakan lawatan ke Pusat Informasi Sungai Pinang di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim, Ahli-ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Hanizan Mukhtar (Jurutera JPS bagi Projek RTB Sungai Pinang).

Difahamkan, antara komponen projek menaik taraf RTB Sungai Pinang sebagaimana dicadangkan JPS Negeri adalah merangkumi pembinaan *barrage*, kolam takungan, perangkap sampah, struktur *outlet*, *interceptor drain*, meninggikan tiga jambatan sedia ada dan *levee*.

Dalam pada itu, Kon Yeow turut

menangkis tohmahan dan kritikan tidak berasas dilemparkan pihak pembangkang dengan menyatakan bahawa masalah banjir adalah masalah baru yang timbul selepas Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang mentadbir negeri sejak tahun 2008.

“Masalah banjir bukanlah masalah baru, jangan kata setelah Kerajaan Negeri ambil alih baru berlaku banjir, ini tidak betul.. jika dulu tiada banjir, mengapakah semenjak Rancangan Malaysia Ke-7 (RMK7) (Tahun 1996 hingga 1998) dan RMK8 (Tahun 2003 hingga 2004) telah ada peruntukan untuk mengatasi banjir di RTB Sungai Pinang.

“Kita (Kerajaan Negeri) sedaya upaya menyediakan peruntukan melalui pihak berwajib negeri sama ada pihak berkuasa tempatan (PBT), JPS Negeri atau Kerajaan Negeri sendiri untuk melaksanakan kerja-kerja projek tebatan banjir di bawah bidang kuasa negeri.

“Tetapi, kebanyakannya daripada kerja tebatan banjir adalah banyak di bawah tanggungjawab Persekutuan, Kerajaan Negeri hanya sekadar membantu sahaja,” jelasnya yang merupakan ADUN Padang Kota.

Mengulas lanjut, **Kon Yeow menyatakan bahawa selama 10 tahun mentadbir, Kerajaan Negeri telah meluluskan hampir RM400 juta nilai projek sejak tahun 2008 hingga Februari 2018.**

“Walaupun pihak Kerajaan Negeri hanya sebagai menyokong dan membantu, tetapi kita (Kerajaan Negeri) sanggup keluarkan hampir RM400 juta bagi mengatasi banjir di negeri ini.

“Jumlah dana yang dikeluarkan ini adalah lebih daripada peruntukan Kerajaan Persekutuan, dan rekod ini adalah jelas merupakan komitmen yang telah diusahakan Kerajaan Negeri,” ujarnya.

Mengikut rekod, semenjak tahun 2008 hingga 2018, sejumlah RM195,307,971.26 melalui Caruman Perparitan-MMK Tebatan Banjir membabitkan 372 projek telah diluluskan, diikuti MBPP (37) RM50,407,892.30 dan Peruntukan Kerajaan Negeri 2017 (9) RM150,000,000 menjadikan nilai keseluruhannya RM395,715,863.56.

Pemajuan stadium hoki bertaraf antarabangsa tempa sejarah

PADANG LALANG – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menganggap Majlis Pecah Tanah Projek Pemajuan Stadium Hoki Bertaraf Antarabangsa dekat Jalan Betek merupakan peristiwa bersejarah bagi sejarah pembangunan negeri Pulau Pinang.

Katanya, Kerajaan Negeri membayai RM3.5 juta bagi projek tersebut, manakala baki RM4 juta lagi ditanggung oleh syarikat pemaju AEI International Berhad.

Justeru, beliau merakamkan penghargaan kepada Pengarah AIE, Datuk Joseph Kow yang juga Penggerusi Persatuan Hoki Pulau Pinang kerana saling bekerjasama dengan Kerajaan Negeri dalam menyediakan fasiliti awam tersebut.

“Inilah perkongsian 4P yang selalu saya sebut (iaitu) *Public* (kerajaan), *Private* (swasta), *People* (rakyat) dan *Professional*.

“Di bawah Datuk Joseph Kow, saya difahamkan mereka akan memastikan padang stadium hoki ini memenuhi semua spesifikasi digariskan Persekutuan Hoki Antarabangsa

(FIH), apabila siap kelak,” ujar Guan Eng pada majlis tersebut di sini 2 April lalu.

Beliau yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan & Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam turut memberitahu bahawa Kerajaan Negeri dalam projek tersebut memberi sebidang tanah berkeluasan kira-kira enam ekar dengan tempoh pajakan selama 30 tahun, kepada EIA International Berhad.

Dalam pada itu, Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Chong Eng yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang menganggap projek itu sebagai hadiah Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang kepada Pasukan Hoki Lelaki Negeri ekoran muncul sebagai juara dalam Sukan Malaysia (SUKMA) Ke-18 pada tahun 2016.

Manakala, Joseph Kow menyatakan bahawa projek pemajuan stadium hoki bertaraf antarabangsa di Jalan Betek dijangka siap pada Ogos ini.



KETUA MENTERI bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan wakil-wakil syarikat AEI International Berhad pada Majlis Pecah Tanah Projek Pemajuan Stadium Hoki Bertaraf Antarabangsa dekat Jalan Betek di sini baru-baru ini.

Exco gesa Pusat bayar minimum RM500 kepada semua mangsa banjir Pulau Pinang, segerakan RTB Sungai Pinang

Oleh : ZAINULFAQAR YAACOB

Gambar : ADUN

DATUK KERAMAT - Kerajaan Pusat digesa membayar RM500 minimum kepada semua 52,353 Ketua Isi Rumah (KIR) yang berdaftar dengan Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang hari ini, kerana terlibat dalam bencana banjir pada 4 November tahun lepas.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo berkata demikian ketika mengulas pengumuman Kerajaan Pusat untuk membuat pembayaran Wang Bantuan Ehsan berjumlah RM5.6 juta atau RM250 seorang kepada 22,534 KIR sahaja pada pertengahan bulan Mac 2018.

"Kerajaan Negeri melalui Program Penang Bangkit telah membayar RM36.6 juta (RM36,547,100) atau RM700 secara 'one-off' kepada 52,353 mangsa banjir di negeri ini, mengapakah Pusat hanya umum bayaran RM250 sahaja, tidak RM500 sekurang-kurangnya," soalnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat dalam sidang media berdekatan Masjid Kampung Acheh dekat Jalan Langkawi di sini 18 Mac lalu.

Tegas Jagdeep, mangsa banjir di negeri ini dalam

tempoh tahun 2013 hingga 2016 direkodkan hanya menerima RM35,500 wang ehsan sahaja, iaitu peruntukan paling sedikit berbanding negeri-negeri lain.

Berdasarkan Jawapan Bertulis Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Shahidan Kassim mewakili Perdana Menteri di Dewan Rakyat pada hujung tahun lepas, antara lain menyebut Kerajaan Pusat sejak tahun 2013 direkodkan membelanjakan RM324,883,470 Wang Bantuan Ehsan terus kepada mangsa bencana.

Dalam perkembangan lain, Jagdeep sekali lagi menggesa Kerajaan Pusat supaya segera menyalurkan RM150 juta peruntukan yang dijanjikan bagi Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Lembangan Sungai Pinang.

"Sudah masuk 19 tahun rakyat terutama penduduk sekitar lembangan Sungai Pinang ini menunggu peruntukan yang dijanjikan, fasa satu RTB Sungai Pinang telah siap pada tahun 1998 dan 1999, tetapi fasa dua dan fasa tiga tidak dapat dijalankan sehingga mengakibatkan kawasan di sini seringkali dilanda banjir apabila (curahan hujan) terlalu lebat dan lama berlaku sebelum ini.

"Untuk rekod, pada 23 Mei 2015 Kerajaan Pusat dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) asalnya berjanji menyalurkan RM997 juta untuk lima projek RTB di negeri ini, termasuk RM654 juta RTB Lembangan Sungai Pinang," jelasnya.



PENDUDUK setempat bersama-sama Jagdeep Singh Deo (tiga dari kiri) mengangkat plakat menuntut Kerajaan Pusat segera menunaikan janji menyalurkan peruntukan RTB Lembangan Sungai Pinang berwajib pada sidang media di sini baru-baru ini.

Bina Gelanggang Futsal Bandar Perda demi penuhi keperluan anak muda Seberang Jaya

SEBERANG JAYA - Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin berharap projek pemajuan gelanggang futsal oleh Kerajaan Negeri yang menelan belanja RM150,000 dekat Bandar Perda dapat memenuhi keperluan anak muda tempatan.

Afif yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya berkata demikian ketika merasmikan Gelanggang Futsal Bandar Perda dan Pelancaran Liga Futsal Seberang Jaya 2018 di sini 21 Mac lalu.

"Sekarang gelanggang ini boleh digunakan oleh anak-anak hingga waktu malam kerana ia dilengkap dengan lampu dan tandas."

"Diharapkan lebih banyak lagi gelanggang futsal seperti ini akan dibina di Seberang Jaya pada masa-masa akan datang," ujarnya.

Turut hadir, Pegawai Daerah Seberang Perai Tengah (SPT), Mohd. Ali Sebran; kakitangan Pejabat Daerah SPT; Ahli Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Komuniti (JKKK) Seberang Jaya; pengajur pertandingan dan para pemain.

Mengulas lanjut, Afif menyatakan, perlawanan Liga Futsal Seberang Jaya 2018 yang berlangsung selama dua minggu bermula 21 Mac lalu akan diadakan di dua gelanggang iaitu di Gelanggang Futsal Bandar Perda dan Gelanggang Futsal Taman Siakap.

"Kita harap 16 pasukan terlibat akan bertanding dengan penuh semangat kesukanan yang tinggi dan kita mungkin akan jadikan program ini sebagai acara tahunan supaya anak-anak muda dapat bersaing secara sihat," jelasnya.

Dalam perkembangan berkaitan, Afif turut memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri juga kini sedang dalam proses membina dan menaik



DR. Afif Bahardin (berdiri, tengah) merakam gambar kenangan bersama-sama barisan pengajur, wakil-wakil penduduk dan para pemain pada Majlis Perasmian Gelanggang Futsal Bandar Perda dan Pelancaran Liga Futsal Seberang Jaya 2018 di sini baru-baru ini.

taraf Stadium Mini Permatang Rawa untuk pembangunan bola sepak.

"Kerajaan Negeri dapat ada stadium mini di Permatang Rawa yang dilengkapi dengan rumah kelab tetapi sudah terlalu usang dan tidak diselenggara.

"(Dan) kita bersetuju untuk menaik taraf stadium mini dan rumah kelab ini yang melibatkan kerja-kerja antaranya, penggantian rumput biasa kepada rumput sintetik supaya anak-anak muda boleh bermain bola sepak dalam keadaan lebih selesa," katanya.

Tambah Afif, sebuah akademi bola sepak dikenali Seberang Jaya Tigers juga sedang dibangunkan bagi mencungkil lebih ramai bakat cemerlang.

"Akademi ini adalah khusus untuk anak-anak bawah 12 tahun dan kini sudah berjalan selama setahun di Padang Taman Pauh Jaya.

"Saya percaya, melalui program-program sukan seperti ini akan dapat merapatkan hubungan antara masyarakat dari semua peringkat sekaligus dapat mewujudkan keharmonian di Seberang Jaya," ujar beliau.

KM kecewa Projek Tebatan Banjir Permatang Rawa dikenakan GST RM2 juta

PADANG LALANG - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan mezhirkir kekecewaan ekoran Projek Tebatan Banjir Permatang Rawa perlu membayar kos Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) kira-kira RM2 juta.

Katanya, dimaklumkan kos asal projek bagi Projek Tebatan Banjir Permatang Rawa adalah bernilai RM28.6 juta dan meningkat kepada kira-kira RM31 juta akibat GST.

"Saya dikehujung dengan dua berita kurang baik, pertama kena bayar GST, dan kedua ialah kos pengambilan (tanah) yang belum diambil kira lagi.

"Tetapi tak apa, lagi 30 hari (Pilihan Raya Umum Ke-14, PRU14), mungkin ada sumber kewangan baru akan datang sekiranya ada 'Timbalan Perdana Menteri dari Pulau Pinang' (Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail)... saya pasti kita akan dapat suntikan kewangan yang baru, lebih-lebih lagi kerana (masa itu) GST telah dihapuskan.

"Kita (Kerajaan Negeri) boleh jimatkan RM2 juta. Projek ini sahaja kita kena bayar tambahan RM2 juta, (jadi) harap 30 hari (PRU14) lagi kita tidak perlu bayar GST, itulah harapan kita semua," ucap beliau pada Majlis Pecah Tanah Projek Tebatan Banjir Sungai Permatang Rawa & Kampung Permatang Rawa, Taman Guru, Padang Lalang serta Kampung Permatang Rawa, Daerah Seberang Perai Tengah (SPT) di sini 1 April lalu.

Hadir sama, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow; Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin; Exco Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus; Ahli Parlimen Permatang Pauh, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail dan Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Pulau Pinang, Mohd. Azmin Hussin.

Difahamkan, projek yang telah melalui tender terbuka itu akan mengambil tempoh masa selama 30 bulan untuk disiapkan.

Tambah Guan Eng, Projek Tebatan Banjir Permatang Rawa secara langsung membuktikan bahawa Kerajaan Negeri menepati janji melalui Bajet 2017 iaitu peruntukan RM150 juta (tidak termasuk GST) untuk RTB seluruh Pulau Pinang.

Dalam pada itu, Mohd. Azmin menyatakan bahawa antara komponen yang terlibat dalam projek berkaitan adalah melebarkan Sungai Permatang Rawa sepanjang 3.82 kilometer (km), menaik taraf pintu-pintu air dan jambatan-jambatan terlibat dalam usaha menangani banjir kilat di kawasan-kawasan perumahan serta komersial.

Mengulas lanjut, Kon Yeow turut menzhirkir kekecewaan berikutkan GST yang terpaksa dibayar adalah bernilai RM9 juta daripada bajet projek seluruh negeri yang bernilai RM150 juta.

Salahkah tetap syarat keutamaan miliki rumah kepada pengundi Pulau Pinang, soal Exco

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

GEORGE TOWN - Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo baru-baru ini mempersoalkan kenyataan Perdana Menteri yang kononnya mendakwa bahawa polisi milikan rumah di negeri ini adalah 'tidak wajar'.

Beliau berkata, sejak mengambil alih pentadbiran daripada kerajaan sebelum ini, Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang sentiasa dan akan terus memberikan keutamaan kepada rakyat Pulau Pinang untuk memiliki rumah.

"Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan terus memberikan keutamaan terhadap keperluan perumahan pada harga yang berpatutan untuk rakyat negeri ini."

"Sememangnya, Kerajaan Negeri menetapkan polis bahawa salah satu kriteria permohonan untuk rumah kos rendah, kos sederhana rendah dan rumah mampu milik di negeri ini perlu mendaftar sebagai pemilih di Pulau Pinang."

"Ini bermakna, kriteria tersebut diguna pakai hanya untuk pembeli rumah kos rendah dengan harga siling RM42,000, kos sederhana rendah (RM72,500) dan rumah mampu milik (RM300,000) dalam memastikan rakyat Pulau Pinang mendapat akses untuk perumahan yang mampu dimiliki."

"Jadi, laporan yang memetik kenyataan Perdana Menteri baru-baru ini adalah tidak betul dan mengelirukan rakyat," ujarnya ketika ditemui dekat Majlis Penyerahan Hak Milik Strata kepada pemilik unit di Blok 3 Pangaspuri Taman Pusaka di sini 25 Mac lalu.

Dalam pada itu, Jagdeep menjelaskan bahawa beliau juga

pernah meminta supaya Kerajaan Persekutuan menimbang semula cadangan untuk menaikkan harga siling rumah kos rendah daripada RM42,000 kepada RM60,000 dan kos sederhana rendah (RM72,500 kepada RM100,000).

"Cadangan Kerajaan Persekutuan untuk menaikkan harga siling itu hakikatnya akan menyukarkan lagi mereka yang berpendapatan rendah untuk memiliki rumah, dan kita (Kerajaan Negeri) tidak akan bersetuju."

"Tambahan pula dengan kadar penolakan pinjaman perumahan yang tinggi, bagaimana boleh mereka (Kerajaan Persekutuan) mahu menaikkan harga rumah."

"Sudah hampir 16 bulan kita (Kerajaan Negeri Pulau Pinang) meminta supaya melihat semula kadar penolakan pinjaman perumahan yang tinggi ini, namun sehingga kini jelas, tiada sebarang jawapan diberikan."

"Jadi, salahkah sekiranya Kerajaan Negeri Pulau Pinang menetapkan hanya mereka yang mengundi di Pulau Pinang boleh membeli dan memiliki rumah kos rendah, kos sederhana rendah dan rumah mampu milik di negeri ini?"

"Lagipun, sehingga kini Kerajaan Negeri Pulau Pinang menyediakan 75,631 unit rumah kos rendah, kos sederhana rendah dan rumah mampu milik, iaitu 25,555 telah dibina, 19,828 sedang dibina dan 29,978 telah diluluskan untuk dibina."

"(Dan) jika Kerajaan Persekutuan gagal dalam pembekalan rumah, kita (Kerajaan Negeri Pulau Pinang) akan terus memastikan pembekalan rumah

mampu dimiliki mencukupi.

"Malah, kita (Kerajaan Negeri) akan meneruskan syarat bahawa hanya pengundi di Pulau Pinang layak untuk membeli rumah kos rendah, kos sederhana rendah dan mampu milik di negeri ini. Rakyat Pulau Pinang diutamakan!," tegasnya yang turut meminta supaya media yang melaporkan kenyataan tersebut supaya menarik balik kerana ia disifatkan sebagai berniat jahat serta tidak berasas.

Dalam perkembangan berasingan, Jagdeep hadir ke Pangaspuri Taman Pusaka bagi menyerahkan surat pemilikan hak milik strata kepada pemilik unit di Blok 3 pangaspuri berkenaan.

Menurut Pengurus Persatuan Penduduk Pangaspuri Blok 3 Taman Pusaka, Teoh Ai Hin, sudah lebih 30 tahun mereka menunggu untuk memiliki hak milik strata dan kini mereka lega apabila telah memiliki.

Mengulas lanjut, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim menyatakan bahawa Kerajaan Negeri akan sentiasa membantu dan memperjuangkan isu hak milik strata demi kesejahteraan rakyat Pulau Pinang.

"Anda (penduduk) semua perlu tahu bahawa Kerajaan Negeri yang ada hari ini ingin bawakan perubahan dan bukannya menunggu untuk perubahan."

"Jadi sekiranya anda mempunyai sebarang masalah, bolehlah dirujuk kepada saya (selaku ADUN) atau kepada Ahli Parlimen Jelutong, Saudara Jeff Ooi (Chuan Aun) dan kami bersedia untuk membantu sedaya upayanya," katanya.

RM3.5 juta naik taraf Stadium Mini Permatang Rawa melalui 4P

GEORGE TOWN -

Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang dalam tempoh setahun akan menaik taraf semula Stadium Mini Permatang Rawa yang terbaik serta usang, dengan anggaran kos RM3.5 juta.

Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng memberitahu, pentadbiran 4P mengeluarkan peruntukan sejumlah RM2,400,000, manakala bakinya akan dibiayai oleh sebuah syarikat swasta melalui kaedah perkongsian *Public, Private, People & Profesional (4P Partnership)*.

"Kerja-kerja naik taraf ini adalah melibatkan penaiktarafan padang bola sepak, penaiktarafan gelanggang tenis kepada gelanggang serbaguna, clubhouse serta pembinaan lima gelanggang futsal."

"Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Syarikat AEI International Berhad (AEI) atas sumbangan mereka yang membuktikan kejayaan (kaedah) 4P Partnership," jelasnya sebelum menyaksikan majlis menandatangani perjanjian projek penarafan tersebut di sini 22 Mac lalu.

Hampir semua Exco Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang menyaksikan majlis menandatangani projek antara Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus dan Datuk Joseph Kow (Pengarah AEI) merangkap Pengurus Persatuan Hoki Negeri Pulau Pinang).

Bercakap kepada pemberita, Joseph



DR. Afif Bahardin (tengah) dan Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh (kiri sekali) mendengar penjelasan berhubung penggunaan rumput sintetik pada projek penarafan Stadium Mini Permatang Rawa selepas berlangsungnya majlis menandatangani perjanjian di sini baru-baru ini.

Kow menyatakan bahawa penarafan padang bola sepak di stadium mini tersebut adalah menggunakan rumput sintetik, dengan teknologi diimport dari Itali serta mengikut piawai antarabangsa Persekutuan Bola Sepak Antarabangsa (FIFA).

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya dalam pada itu berkata, beliau mewakili penduduk di kawasannya merakamkan penghargaan kepada pentadbiran Guan Eng atas projek penarafan semula kemudahan awam tersebut.

Padang bola sepak Stadium Mini Permatang Rawa ini akan menjadi padang bola rumput sintetik ketiga di Pulau Pinang kelak, selain di Gelugor iaitu bersebelahan Pejabat Jabatan Laut Wilayah Utara dan di Bayan Lepas.

Muzium Negeri Pulau Pinang di Lebuh Farquhar bakal dibuka semula 2020

GEORGE TOWN - Kerja-kerja pemuliharaan dan pengubahsuaian Muzium Negeri Pulau Pinang di Lebuh Farquhar dijangka siap sepenuhnya menjelang tahun 2020.

Menurut Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, kerja-kerja pemuliharaan dan pengubahsuaian muzium membabitkan kos RM20 juta dibiayai oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

"Inisiatif memulihara dan mengubah suai muzium ini juga disokong sepenuhnya oleh George Town Conservation and Development Corporation (GTCDC), Perbadanan Ketua Menteri (CMI), Think City Sdn. Bhd. (ThinkCity) dan Aga Khan Trust for Culture."

"Ia (kerja-kerja pemuliharaan dan pengubahsuaian) termasuk membaik pulih bangunan asal dua tingkat dan ekstensi sayap bangunan baharu dalam memastikan ia (muzium) ditransformasi seperti bangunan Penang Free School...kembali ke zaman kegemilangan warisan sehingga menjadi mercu tanda ditengah-tengah Bandaraya Warisan Dunia George Town."

"(Dan) apabila siap kelak, muzium ini akan muncul sebagai salah satu hab MAGnet (Museum and Art Gallery Network) untuk sebarang acara dan pameran kesenian serta menjadi lokasi umum untuk menyertai bengkel," ujarnya pada sidang media di sini 21 Mac lalu.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy yang juga Ahli Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang; Pengarah Muzium Negeri Pulau Pinang, Haryany Mohamad serta Ahli Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang lain seperti Tan Bee Eu (arkitek) dan Rosli Sidek (penggiat seni).

Mengulas lanjut, Guan Eng memberitahu, segala artifak dan koleksi seni telah ditempatkan semula buat sementara waktu di Muzium Negeri di Jalan Macalister bermula 14 April 2018.

"Pameran sementara bertemakan 'A Museum About People For People' yang akan diadakan nanti akan menggamit memori indah kebudayaan dan warisan Pulau Pinang."

"Malah, bersempena Sambutan Ulang Tahun Ke-53 Muzium Negeri Pulau Pinang, tiada yuran kemasukan dikenakan sepanjang bulan April 2018...ini termasuk Pameran dan Pengisian Warisan Haji Pulau Pinang Era Pelayaran Kapal Laut turut akan diadakan," katanya yang merupakan Pengurus Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang.



LAKARAN artis rupa bentuk Muzium Negeri Pulau Pinang selepas kerja-kerja pemuliharaan dan pengubahsuaian siap kelak.

Promosikan aktiviti 'forest bathing' sebagai produk eko pelancongan Seberang Perai

Oleh : SUNARTI YUSOFF
Gambar : DARWINA MOHD. DAUD

BUKIT MERTAJAM - Aktiviti 'forest bathing' atau terapi rimba boleh dipromosikan sebagai produk eko pelancongan di Seberang Perai, kata Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow.

Menurutnya, aktiviti itu bukan sahaja boleh membawa perubahan besar kepada kesihatan mental dan fizikal rakyat, malah ia juga selaras dengan slogan Kerajaan Negeri iaitu Pulau Pinang Bersih, Hijau, Selamat dan Sihat.

"Seperti yang kita lihat, Seberang Perai sebenarnya memenuhi pakej eko pelancongan kerana mempunyai banyak kehijauan dan hutan yang menjadi destinasi persinggahan beribu-beribu jenis burung setiap tahun."

"Saya percaya aktiviti ini akan dapat menarik lebih ramai pengunjung datang ke Seberang Perai untuk melakukan aktiviti 'forest bathing' dan eko pelancongan," ujarnya pada Majlis Perasmian Eco-Therapy melalui Program Forest Bathing di Taman Rekreasi PBAPP Bukit D.O. di sini baru-baru ini.



AKSI Chow Kon Yeow, barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan para peserta pada Majlis Perasmian Eco-Therapy melalui Program Forest Bathing di Taman Rekreasi PBAPP Bukit D.O. di sini baru-baru ini.

& Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti, Chong Eng; Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Keong; Setiausaha Perbandaran Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Ir. Rosnani Mahmud; wakil Persatuan Pencinta Alam Malaysia, Tan Choo Eng dan ramai lagi.

Justeru, Kon Yeow menyeru masyarakat setempat untuk bersama-sama menjaga alam semula jadi serta kemudahan-kemudahan asas yang disediakan di kawasan berkenaan agar boleh digunakan dalam jangka masa panjang.

"Saya juga berharap agar aktiviti 'forest bathing' ini boleh diadakan selalu bersama-sama penduduk Seberang Perai kerana aktiviti ini dapat mengeratkan hubungan antara penduduk setempat dan warga MPSP," katanya.

Turut berucap, Yang di-Pertua (YDP) MPSP, Dato' Sr. Rozali Mohamud yang menjelaskan bahawa matlamat utama penganjuran 'forest bathing' adalah sebagai terapi minda dengan berjalan-jalan di dalam hutan sambil menikmati dan menghargai keindahan alam semula jadi.

Menurut beliau, aktiviti tersebut secara tidak langsung dapat mengawal pelbagai penyakit seperti mengurangkan tekanan darah, mengurangkan tekanan, mempercepatkan penyembuhan akibat pembedahan dan kesakitan serta dapat meningkatkan tenaga serta kualiti tidur.

"Memandangkan terdapat pelbagai manfaat kesihatan dan rekreasi selain menyumbang ke arah pemulihan alam sekitar, maka 'Eco-Therapy' melalui program 'forest bathing' telah tersenarai sebagai satu program di bawah Pelan Strategi MPSP 2018-2022 yang akan diadakan enam kali setahun."

"Pelaksanaan program ini juga merupakan pengisian strategi 'Care for the Elderly' yang bertujuan untuk meningkatkan kualiti hidup masyarakat," katanya.

Difahamkan, terdapat enam lokasi yang dikenal pasti untuk tujuan program berkaitan antaranya, Hutan Simpan Juru, Taman Rekreasi Air Hitam Dalam, Hutan Lipur Cherok Tok Kun, Taman Negeri Bukit Panchor, Pulau Aman serta Taman Rekreasi PBAPP Bukit D.O..

Terdahulu, MPSP memperkenalkan satu strategi baru iaitu 'Caring For The Elderly' bagi meningkatkan kualiti kehidupan masyarakat di kawasan pihak berkuasa tempatan (PBT) itu.

Gelanggang bola keranjang berbumbung, kemudahan sukan manfaat penduduk



LOKASI yang bakal dibangunkan gelanggang bola keranjang berbumbung baharu dekat KADUN Sungai Pinang di sini.

SUNGAI PINANG - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berharap pembinaan gelanggang bola keranjang berbumbung baharu dengan nilai anggaran antara RM300,000 hingga RM320,000 yang bakal dibina di Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Sungai Pinang bakal memanfaatkan penduduk sekitar.

"Ini untuk memberikan kemudahan asas dan sukan kepada penduduk setempat."

"Lokasi ini merupakan suatu kawasan yang agak membangun, memandangkan sudah ada gelanggang futsal dan bola keranjang, maka kita akan melihat keperluan untuk membina tandas, sama ada perlu ataupun tidak," ujarnya pada sesi lawatan ringkas ke tapak di sini 4 April lalu.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN)

Sungai Pinang, Lim Siew Khim dan Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Grace Teoh Koon Gee.

Difahamkan, gelanggang bola keranjang baharu tersebut bakal dibina berhampiran gelanggang futsal yang baru dinaik taraf tahun lalu.

Pada sidang media sama, Siew Khim turut menzahirkan ucapan terima kasih kepada Ketua Menteri kerana meluluskan permohonan beliau untuk mendirikan sebuah gelanggang bola keranjang di sini.

"Futsal sudah ada di sini, tetapi ada remaja yang suka bermain bola keranjang terpaksa keluar ke kawasan lain untuk bermain, justeru saya telah memanjangkan hasrat ini kepada Ketua Menteri," jelasnya.

RM15 juta tangani banjir kilat Taman Iping, Batu Maung

BATU MAUNG - Dalam mengurangkan risiko banjir di sekitar Taman Iping, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Pulau Pinang baru-baru ini mengumumkan peruntukan bernilai RM15 juta bagi menangani masalah tersebut.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, projek tebatan banjir Taman Iping, Batu Maung merupakan sebahagian daripada peruntukan RM150 juta yang diperuntukan dalam tempoh tahun 2017 sehingga 2020 untuk menangani banjir di negeri ini.

"Untuk makluman semua, terdapat kira-kira 50 kawasan (banjir) yang perlu diberi perhatian di negeri Pulau Pinang, dan 12 daripadanya perlu diberi perhatian segera berikut kawasan ini padat dengan penduduk serta melibatkan kerugian harta benda yang tinggi sekiranya berlaku kejadian banjir."

"Baki selain 12 kawasan 'panas' yang terjejas dengan banjir akan diselesaikan secara berperingkat-peringkat... iaitu melalui projek tebatan banjir sama ada menggunakan peruntukan negeri, Caruman

Perparitan atau peruntukan Persekutuan," ucapnya pada Majlis Pecah Tanah Projek Tebatan Banjir Sungai Nipah di Taman Iping di sini baru-baru ini.

Majlis pecah tanah projek terbabit disempurnakan Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon.

Hadir sama, Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung, Dato' Abdul Malik Abul Kassim; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus; Ahli Parlimen Bayan Baru, Sim Tze Tzin; Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Ar. Yew Tung Seang dan Pengarah JPS Pulau Pinang, Mohd. Azmin Hussin.

Dalam pada itu, Mohd. Azmin memberitahu, projek tebatan banjir tersebut antaranya merangkumi kerja-kerja menaik taraf sistem perparitan di Batu Maung serta Taman Iping, selain menaik taraf rumah pam yang menggunakan teknologi dari Amsterdam.

"Projek yang akan bermula dalam masa terdekat dijangka dapat disiapkan dalam tempoh 24 bulan melalui proses tender terbuka," jelasnya.

Wanita perlu lebih berani tampil sertai arena politik, seru Exco

Teks dan Gambar : **SUNARTI YUSOFF**

BUKIT MERTAJAM – Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng menyeru agar lebih ramai anggota Brigid Wanita Pulau Pinang tampil menyertai arena politik demi menjaga kepentingan berkaitan golongan Hawa di negara ini.

Beliau berkata, adalah penting bagi golongan wanita untuk mengisi jawatan di peringkat pembuat keputusan agar dasar-dasar yang menjaga kebijakan golongan wanita dapat digubal.

"Saya ingin tanya, jika bukan kita, siapa akan bela nasib wanita? Siapa yang akan perjuangkan isu-isu kesihatan wanita, hak penjagaan anak-anak selepas bercerai, hak pekerja wanita seperti cuti bersalin serta gaji yang sama rata dengan lelaki dan macam mana dengan nasib golongan wanita dalam kumpulan B40?

"Semua ini hanya boleh berlaku jika kita ada pemimpin wanita yang aktif dan komited serta berani untuk tampil ke depan," ujarnya ketika merasmikan Konvensyen Brigid Wanita Pulau Pinang dekat Dewan Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah



CHONG Eng (tengah, berbaju ungu), barisan kepimpinan Kerajaan Negeri, wakil-wakil berkaitan dan para peserta merakam gambar kenangan pada penganjuran Konvensyen Brigid Wanita Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

(SPT) di sini 25 Mac lalu.

Hadir sama, Ahli Parlimen Batu Kawan, P. Kasthuriraani; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim; ADUN Penanti, Dr. Norlela Ariffin; Pengurus Perbadanan Pembangunan Wanita

(PWDC), Ong Bee Leng; Ahli Lembaga Pengarah PWDC, Aida Yusof Rawa, Ahli-ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan Ahli-ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP).

Mengulas lanjut, Chong Eng berkata,

Kerajaan Negeri telah menggariskan beberapa dasar bagi menghargai peranan golongan wanita seperti menetapkan supaya setiap JKKK (Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti) mempunyai 30 peratus perwakilan wanita menjelang tahun 2021.

"Dengan sekurang-kurangnya 30 peratus perwakilan, barulah suara wanita akan cukup kuat dan boleh didengar dalam mesyuarat.

"Apabila sesuatu perkara berkaitan dengan kebijakan wanita atau anak-anak dibentangkan, barulah cukup suara wanita untuk perkara tersebut diberikan keutamaan," katanya yang juga ADUN Padang Lalang.

Chong Eng dalam pada itu turut menjelaskan bahawa golongan wanita juga merupakan golongan pengundi terbanyak pada pilihan raya umum lalu yang bermakna kuasa demokrasi negara kini terletak di tangan golongan wanita.

"Oleh itu, wanita juga boleh menentukan hala tuju keadaan politik negara kita. Jadi, gunalah ilmu yang ada untuk jadikan wanita sebagai ejen perubahan dan membawa obor pencerahan untuk membina sebuah negara penyayang dan bermaruah," serunya.

Bayar caj bulanan demi manfaat semua, seru Exco Perumahan

SUNGAI PINANG – Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo menyeru semua penduduk pangsapuri di seluruh negeri ini supaya melangsahkan bayaran caj penyelenggaraan demi manfaat semua pihak.

Menurut beliau, hasil kutipan caj penyelenggaraan setiap bulan itu akan digunakan untuk menyelenggara kemudahan awam yang ada.

"Apabila semua orang membayar caj penyelenggaraan, ia bukan sahaja akan memanfaatkan diri kita sendiri, malah juga semua penghuni.

"(Dan) sekiranya ada kemudahan yang perlu diselenggarakan, ia boleh dilaksana dengan kadar segera tanpa perlu bertangguh," ujarnya ketika hadir menyerahkan surat kelulusan peruntukan bagi penggantian lif di Pangsapuri Taman Dato' Syed Abbas di sini 24 Mac lalu.

Beliau turut mengumumkan bahawa Kerajaan Negeri melalui Tabung Penyelenggaraan Maksimum 80 Peratus Pulau Pinang (TPM80PP) bersetuju membiayai RM207,217.28 bagi menggantikan satu unit lif di pangsapuri setinggi lapan tingkat itu.

"Di bawah tabung ini (TPM80PP), projek-projek kritis seperti penggantian lif, bumbung dan tangki, Kerajaan Negeri akan membiayai sehingga 80 peratus daripada kos keseluruhannya.

"Manakala, bakinya ditanggung oleh penduduk... dan sejak diperkenalkan, tabung ini telah memanfaatkan 138 skim perumahan awam dan swasta di negeri ini dengan kos penyelenggaraan mencecah RM55 juta.

"Tabung ini adalah bagi membantu penduduk di skim perumahan kos rendah, kos sederhana rendah dan kos sehingga RM150,000.



JAGDEEP Singh Deo, Lim Siew Khim dan para penduduk bergambar kenangan sambil menunjukkan replika cek pembiayaan RM10,000 daripada ADUN kawasan di sini baru-baru ini.

"Malangnya, di pihak Kerajaan Pusat meskipun mempunyai TP1M (Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia), cuma 29 daripada 143 permohonan dari Pulau Pinang diluluskan...itupun pada tahun 2016.

"Sejak 2016, tiada kelulusan langsung untuk negeri Pulau Pinang," jelasnya yang agak kecewa apabila Pulau Pinang merupakan salah satu negeri pembayar cukai tertinggi dalam negara, namun sering 'dipinggirkan'.

Dalam pada itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (Sungai Pinang), Lim Siew Khim yang turut sama hadir pada penyerahan surat kelulusan itu juga mengumumkan pembiayaan RM10,000 bagi meringankan bebanan kewangan persatuan penduduk terbabit.

"Saya difahamkan isu milikan strata di pangsapuri ini hampir selesai setelah lebih 10 tahun menunggu.

"Seperti yang dimaklumkan oleh YB Jagdeep, Kerajaan Negeri akan memberi keutamaan kepada milikan strata bagi memudahkan transaksi sekiranya memerlukan," katanya.

Turut sama, Pengurus Persatuan Penduduk Taman Dato' Syed Abbas, Sheikh Mujib Rahman Ilas dan Setiausaha Koperasi Melayu Pulau Pinang, Abdul Ravul Majeed.

Kos keseluruhan penggantian lif adalah RM259,021 dan dijangka disempurnakan sebelum menjelangnya Hari Raya Aidilfitri Jun ini.

PROGRAM SARINGAN MAMMOGRAM PERCUMA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

MAMMO PENANG

Untuk wanita berumur 35 ke atas

*Sila berdaftar di Pusat Khidmat ADUN atau Penyelaras KADUN berdekatan anda

1 dalam setiap 20 wanita di Malaysia mempunyai risiko untuk mendapat kanser payudara dalam hayat kehidupan mereka ini bersamaan dengan 700,000 orang!

PENANGthat PWDC Pink B+ HEALTHCARE GROUP

Nama ADUN	No Tel/ No Faks
AIR PUTIH YB Tuan Lim Guan Eng limguaneng@penang.gov.my	(T) 04 - 829 0614
PANTAI JEREJAK YB Haji Mohd. Rashid Hasnon rashid.hasnon@penang.gov.my	(T) 04 - 646 4700
PERAI YB Prof. Dr. P. Ramasamy ramasamy@penang.gov.my	(T) 04 - 383 9131 (F) 04 - 383 9131
PADANG KOTA YB Chow Kon Yeow chowkonyeow@penang.gov.my	(T) 04 - 226 0218 (F) 04 - 226 0218
BATU MAUNG YB Datuk Abdul Malik Abul Kassim abdulmalik@penang.gov.my	(T) 04 - 626 1968 (F) 04 - 626 5496
BAGAN JERMAL YB Lim Hock Seng limhockseng@penang.gov.my	(T) 04 - 331 7175 (F) 04 - 331 7175
BATU LANCHANG YB Law Heng Kiang lawhengkiang@penang.gov.my	(T) 04 - 282 6419 (F) 04 - 282 6419
SUNGAI PUYU YB Phee Boon Poh pheeboonpoh@penang.gov.my; pheeboonpoh@yahoo.com	(T) 04 - 262 0860 012 - 480 5495 (F) 04 - 261 8745
PADANG LALANG YB Chong Eng chong.eng@penang.gov.my	(T) 04 - 530 3028
DATO' KERAMAT YB Jagdeep Singh DEO jagdeepsinghdeo@penang.gov.my	(T) 04 - 226 2464 (F) 04 - 227 2464
SEBERANG JAYA YB Dr. Afif Bahardin	(T) 04 - 390 5109
BUKIT TAMBUN YB Law Choo Kiang lawchookiang@penang.gov.my	(T) 04 - 588 0818 (F) 04 - 588 0885
AIR ITAM YB Wong Hon Wai wonghonwai@penang.gov.my	(T) 04 - 828 0926 (F) 04 - 828 0926
BERAPIT YB Ong Kok Fooi ongkokfooi@penang.gov.my	(T) 04 - 530 8476
MACHANG BUBOK YB Lee Khai Loon klee78@gmail.com	(T) 013 - 399 0519 (F) 04 - 551 1442
TANJONG BUNGAH YB Teh Yee Cheu dappenang.cagw.teh@gmail.com	(T) 04 - 899 9581
JAWI YB Soon Lip Chee dunjawi@hotmail.com	(T) 04 - 594 1163 (F) 04 - 594 3163
PENGKALAN KOTA YB Lau Keng Ee dappengkalankota@gmail.com	(T) 04 - 250 1521 04 - 250 1522 (F) 04 - 250 1523
BAGAN DALAM YB Tanasekharan a/l Autheryphy atana@first.net.my	(T) 04 - 323 5870 (F) 04 - 323 5870
KEBUN BUNGA YB Cheah Kah Peng kebunbunga24@gmail.com	(T) 04 - 826 5451 (F) 04 - 826 5451
SUNGAI BAKAP YB Hj. Makfar Hj. Shappee adunan.dunsgbakap@yahoo.com	(T) 04 - 582 7549 (F) 04 - 582 8648
KOMTAR YB Teh Lai Heng komtarN28@gmail.com	(T) 04 - 227 7068 (F) 04 - 227 7068
PAYA TERUBONG YB Yeoh Soon Hin clementyeoh@hotmail.com	(T) 04 - 827 8868
PULAU TIKUS YB Yap Soo Huey yapoohueydap@gmail.com	(T) 04 - 226 5217 (F) 04 - 227 5217
PERMATANG PASIR YB Datuk Hj. Mohd. Salleh Man adunptgpasir@gmail.com	(T) 04 - 398 4226 (F) 04 - 398 4226
BUKIT TENGAH YB Ong Chin Wen pkrbkftengah@gmail.com	(T) 04 - 508 3977 (F) 04 - 508 3677
PENANTI YB Dr. Norlela Ariffin norlela.ariffin@gmail.com	(T) 04 - 538 2871 (F) 04 - 538 4871
SUNGAI PINANG YB Lim Siew Khim dapsungaipinang@hotmail.com	(T) 04 - 282 6630
BATU UBAN YB Dr. T. Jayabalan drjayabalan@gmail.com	(T) 04 - 656 2605 (F) 04 - 656 0699
SERI DELIMA YB Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji rsnrayer@yahoo.com	(T) 04 - 659 5611 (F) 04 - 659 6611
DAP PENANG HQ dappa@streamyx.com	(T) 04 - 228 8482 (F) 04 - 228 8514
PKR PENANG HQ	(T) 04 - 397 0115

NAMA ADUN	No Tel/ No Faks
PENAGA YB Mohd. Zain Ahmad	(T) 04 - 351 5825
BERTAM YB Shariful Azhar Othman	(T) 012 - 411 4690 (F) 04 - 575 8670
PINANG TUNGGAL YB Datuk Haji Roslan Saidin	(T) 04 - 398 3555 (F) 04 - 397 3555
PERMATANG BERANGAN YB Omar Abd. Hamid	(T) 04-573 4630 (F) 04-573 4630
SUNGAI DUA YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor	(T) 04 - 575 7454
TELOK AIR TAWAR YB Datuk Jahara Hamid jahara.hamid@gmail.com	(T) 04 - 351 2873 (F) 04 - 351 4389
SUNGAI ACHEH YB Datuk Mahmud Zakaria datomahmud@umpangroup.com.my	(T) 04 - 593 3100 (F) 04 - 593 9529
BAYAN LEPAS YB Nordin Ahmad	Sedang dikemaskini
PULAU BETONG YB Muhamad Farid Saad	(T) 04 - 866 4202 (F) 04 - 866 4202
TELUK BAHANG YB Shah Haedan Ayoob	(T) 04 - 866 1760 (F) 04 - 866 1821

PEGAWAI PENYELARAS PARLIMEN DAN KADUN	No Tel/ No Faks
PARLIMEN KEPALA BATAS Che Norma Binti Mehat biahsorma@gmail.com	012 - 440 2167
PENAGA Mohd. Radzi Bin Wahab mohd.radzi230@gmail.com	013 - 407 6038
BERTAM Abdul Latif Bin A. Rahman	013 - 435 2324
PINANG TUNGGAL Muhasdey Bin Muhamad muhasdey@gmail.com	019 - 437 2887
PARLIMEN TASEK GELUGOR Dato' Jasmin Bin Mohamed jmmohamed002@gmail.com	018 - 468 6610
PERMATANG BERANGAN Abu Hassan Bin Awang	019 - 423 6779
SUNGAI DUA Yusri Bin Isahak ysregnot@gmail.com	019 - 337 4055
TELOK AIR TAWAR Mustafa Kamal Bin Ahmad mustakamalmkba@gmail.com	019 - 556 9552
SUNGAI ACHEH Mohd. Rizal Bin Abd. Hamid rizalhamid.ppska@gmail.com	012 - 424 3878
PARLIMEN BALIK PULAU Mohd. Yusmadi Bin Mohd. Yusoff yusmadi.yusoff@gmail.com	011 - 1038 3993
BAYAN LEPAS Azril Mahathir Bin Aziz ambasegaria.aam@gmail.com	017 - 594 1976
PULAU BETONG Syed Mohamad Nazli Bin Syed Ahmad	012 - 429 6542
TELUK BAHANG Zainudin Bin Noordin zainuddin.noordin@gmail.com	017 - 464 7372
PERMATANG PASIR Muhammad Faiz Bin Fadzil taizaadzilamah@gmail.com	019 - 274 6671

Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

POLIS, AMBULANS, BOMBA	999
& PENYELAMAT	103
DIREKTORI TELEFON	101
OPERATOR ANTARABANGSA	04-263 7637
HOTLINE MBPP	04-228 9012
ANGKATAN PERTAHANAN AWAM	04-263 6893
BIRO PENGADUAN AWAM	04-262 1957
SEKRETARIAT KERAJAAN	04-262 2300
NEGERI	04-250 3419
KASTAM	04-228 0342
IMIGRESEN	04-398 8340
WCC (Women's Centre for Change)	04-226 1000
Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang)	04-238 9888
EPF	04-656 4131
SOCSCO	04-398 8809
JPJ	04-226 5161
JABATAN PENDAFTARAN	04-263 1166
PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)	

TOURISM MALAYSIA	04-261 0058
KERETAPI BUKIT BENDERA	04-828 8880
FERI (GEORGETOWN)	04-210 2363
(BUTTERWORTH)	04-310 2377
JAMBATAN PP	04-398 7419
STESEN KERETAPI BUTTERWORTH	04-261 0290
PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK	04-829 4046
CAP	04-829 9511
BEFRIENDERS PENANG	04-281 5161 / 04-281 1108
PERPUSTAKAAN PP	04-229 8555

N1	Penaga	:	-	N22	Tanjong Bungah	:	012 - 465 0021	- Tina
N2	Bertam	:	-	N23	Air Putih	:	011 - 12441069	- Hezreen
N3	Pinang Tunggal	:	-	N24	Kebun Bunga	:	012 - 829 0614	- Hong Kian Beng
N4	Permatang Berangan	:	-	N25	Pulau Tikus	:	012 - 493 3342	- Cheng Kok Eong
N5	Sungai Dua	:	-	N26	Padang Kota	:	017 - 956 3237	- Quah
N6	Telok Air Tawar	:	-	N27	Pengkalan Kota	:	012 - 401 1522	- Johnny Chee
N7	Sungai Puyu	: 012 - 480 5495	- Mr. Lee	N28	KOMTAR	:	010 - 811 7300	- Ch'ng Chin Keat
N8	Bagan Jermal	: 013 - 449 0366	- Yeoh Choon Keong	N29	Datok Keramat	:	04 - 226 2464	- Razin
N9	Bagan Dalam	: 016 - 473 1963	- Gesan	N30	Sungai Pinang	:	04 - 282 6630	- Kalvinder
N10	Seberang Jaya	: 04 - 390 5109	- Nor Hayati Mohd. Iskander	N31	Batu Lancang	:	04 - 282 6419	- Nayim
N11	Permatang Pasir	: 010 - 406 2128	- Nurafiqah	N32	Seri Delima	:	019 - 4474362	- Karuna
N12	Penanti	: 013 - 595 6865	- Rosli	N33	Air Itam	:	012 - 5242549	- Mahen James
N13	Berapit	: 04 - 538 2871	- Tira	N34	Paya Terubong	:	012 - 4730736	- Anne Janet
N14	Machang Bubuk	: 016 - 401 3507	- Mr. Lim	N35	Batu Uban	:	016 - 4940705	- Toon Hoon Lee
N15	Padang Lalang	: 017 - 446 1817	- Yeoh Ee Yee	N36	Pantai Jerejak	:	012 - 484 1963	- Frankie Kee
N16	Perai	: 012 - 474 0964	- Andrew Chin	N37	Batu Maung	:	016 - 205 1185	- Jalal
N17	Bukit Tengah	: 012 - 473 0964	- Ikhwan	N38	Bayan Lepas	:	016 - 480 0232	- Khairul
N18	Bukit Tambun	: 014 - 552 8928	- Chan	N39	Pulau Betong	:	016 - 487 8602	- Sathyia
N19	Jawi	: 014 - 945 9786	- Lai	N40	Telok Bahang	:	016 - 444 3550	- Aliff / Shamsudin
N								

**SENARAI NAMA AHLI MAJLIS
MPSP 2018**

Nama	Telefon
MPSP	04 - 549 7555
David Marshel a/l Pakianathan	019 - 412 3397
Heng Yeh Shuan	016 - 261 2460
H'ng Mooi Lye	012 - 425 2602
Kumar a/l Kanapathy	012 - 548 2465 019 - 658 2465
Mohamad Shaipol Ismail	019 - 414 6079
Satees A/l Muniandy	016 - 438 4767
Tan Chee Teong	012 - 401 7718
Tan Cheong Heng	012 - 487 3101
Thomas Loh Wei Pheng	04-390 6836 012 - 409 6836
Woo Sze Zeng (Joshua)	016 - 557 6672
Zulkifli Ibrahim	012 - 477 5588
Mohd Sharmizan Mohamad Nor	011 - 1110 6456
Zaini Awang	019 - 546 3115
Ong Jing Cheng	016 - 445 5709 012 - 758 3779
Anuar Yusoff	04 - 507 5390 016 - 4616 390
Dr Amar Pritpal Abdullah	04 - 582 2020 019 - 452 2020
Shuhada Abdul Rahim	010 - 380 7672
Dr. Seow Kweng Tian	04 - 593 5493 012 - 507 2229
Fadzil Hj Abdullah	017 - 343 4464
Zulkipli Ishak	013 - 431 6161
Dr. Tiun Ling Ta	04 - 505 7288 013 - 430 2096
Wong Chee Keet	012 - 451 1312
Hamizah Abdul Manab	013 - 591 6344

SENARAI PEGAWAI-PEGAWAI PEMBANTU KEWARGANEGARAAN PULAU PINANG

Bil.	Nama	Daerah	Pejabat / Unit Kewarganegaraan	No. Telefon
1.	Elempedu Valuthi	Timur Laut	Bilik Perkhidmatan Awam, Tingkat 3, KOMTAR.	04 - 650 5556 018 - 467 0037
2.	Abdul Rahim Mohamed Nor	Barat Daya	Kuarters Kerajaan Negeri No.1, Jalan Relau, Balik Pulau.	016 - 482 3549
3.	K. Krishnasamy	Seberang Perai Utara	Tingkat 1, Pejabat Daerah SPU, Bertam Kepala Batas.	012 - 488 1553
4.	P. Rachenamorthy	Seberang Perai Tengah	Pejabat Bangunan MPSP , Jalan Betek, Bukit Mertajam	019 - 457 2271
5.	Nakulan A/L Muthumanikam	Seberang Perai Selatan	Tingkat Dua, Kompleks Pejabat-Pejabat Kerajaan SPS, 14200, Jawi.	010 - 462 0073

Nota:

Orang awam dipohon menghubungi Pegawai-Pegawai Pembantu Kewarganegaraan untuk menetapkan temujanji masing-masing.

**SENARAI NAMA AHLI MAJLIS
MBPP 2018**

Nama	Telefon
MBPP	04 - 259 2020
Ahmad Azrilal Tahir	012 - 498 4556
Ahmad Razaim bin Azimi	012 - 572 4711 016 - 451 9225
Francis a/l Joseph	012 - 474 3321
Gan Ay Ling	012 - 401 2265
Goh Choon Keong	019 - 471 7931
Gooi Seong Kin	016 - 457 1271
Teoh Koon Gee	016 - 419 1938
Harvindar a/l Darshan Singh	012 - 428 2250
Joseph Ng Soon Siang	012 - 423 9143
Kala a/p Durai Raj	016 - 468 4247
Khoo Salma Nasution	017 - 456 6012
Kumaresan a/l Arumugam	014 - 945 9621
Lee Chun Kit	012 - 519 2152
Mhd. Nasir Yahya	012 - 402 6739
Muhammad Bakhtiar Wan Chik	019 - 470 8811
Nur Zarina Zakaria	011 - 1578 5098
Ong Ah Teong	012 - 410 6566
Saiful Azwan Abd Malik	016 - 463 2787
Shahrudin Mohamed Shariff	012 - 428 3160
Shung Yin Ni	012 - 413 9246
Syerleena Abdul Rashid	019 - 225 6502
Tan Chiew Choon	019 - 470 4499
Wong Yuee Harrng	016 - 439 9121

**Kalendar Pelancongan
Pulau Pinang April 2018**



14hb - 29hb April 2018
Penang International Food Festival 2018

SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA

Penulis:
YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI, ZAINULFAQAR YAACOB,
NORSHAHIDA YUSOFF, WATAWA NATAF ZULKIFLI,
SUNARTI YUSOFF

Jurugambar/Juruvideo:
LAW SUUN TING, ALISSALA THIAN,
AHMAD ADIL MUHAMAD, DARWINA MOHD. DAUD,
ALVIE CHENG, NOOR SITI NABILAH NOORAZIS,
ADLEENA RAHYAU AHMAD RADZI

Jurugrafik: IDZHAM AHMAD, NUR AFIQAH ZAINUDI

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

Editor BULETIN MUTIARA,
Tingkat 47, Komtar, 10503 Penang
Telefon : 04-650 5468 ; Fax : 04-261 5923
Email: buletinmutiara.bpkn@gmail.com

Naik taraf saliran, bina kolam takungan hilir Sungai Pinang demi minimum impak banjir

Oleh : WATAWA NATAF ZULKIFLI
Gambar : DARWINA MOHD.
DAUD

SUNGAI PINANG - Sejak tahun 2008 sehingga 2018, Kerajaan Negeri telah meluluskan sejumlah RM195 juta wang Caruman Perparitan untuk tujuan menaik taraf 372 projek tebatan banjir di seluruh Pulau Pinang.

Perkara tersebut dimaklumkan Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow ketika berucap dekat Majlis Penyempurnaan Kerja-kerja Tebatan Banjir dan Menaik Taraf Sistem Saliran Bagi Mengatasi Banjir di Hilir Sungai Pinang di sini 1 April lalu.

Katanya, peruntukan Caruman Perparitan tersebut disalurkan kepada agensi-agensi kerajaan seperti Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri, pihak berkuasa tempatan (PBT), Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Pejabat Daerah bagi melaksanakan projek-projek mitigasi banjir di bawah bidang kuasa masing-masing.

Dalam tempoh sama juga, MBPP telah membelanjakan sebanyak RM50.40 juta daripada



CHOW Kon Yeow (barisan depan, kanan sekali) meneliti pelan projek tebatan banjir hilir Sungai Pinang sambil mendengar penjelasan daripada wakil MBPP pada Majlis Penyempurnaan Kerja-kerja Tebatan Banjir dan Menaik Taraf Sistem Saliran Bagi Mengatasi Banjir di Hilir Sungai Pinang di sini baru-baru ini.

peruntukannya sendiri bagi menjalankan 37 projek berkaitan dalam usaha menangani kejadian banjir kilat di sekitar George Town dan Kawasan Perindustrian Bebas Bayan Lepas.

"Masalah banjir kilat memang tidak dapat diselesaikan

sepenuhnya, kerana ianya adalah bencana alam dan tak mungkin kita 'menang' untuk berlawan dengan fenomena alam... jadi sebagai Kerajaan, kita hanya boleh berusaha menjalankan projek-projek tebatan banjir agar dapat mengurangkan impak banjir ke tahap minimum,"

ujarnya sambil melahirkan harapan agar projek berkaitan akan memanfaatkan kira-kira 6,000 isi rumah di kawasan berkenaan.

Bagi tujuan tersebut, difahamkan, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) memerlukan sejumlah RM1.85

juta bagi menaik taraf saliran sekitar hilir Sungai Pinang bersama sebuah kolam takungan baru.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim; Datuk Bandar MBPP, Ar. Yew Tung Seang dan Ahli-ahli Majlis MBPP.

Projek tebatan banjir tersebut merupakan projek serampang dua mata yang berfungsi sebagai lokasi riadah sekitar takungan air tidak penuh.

Dalam pada itu, Tung Seang memberitahu, masalah utama sekitar hilir Sungai Pinang adalah sistem perparitan sedia ada yang tidak mampu untuk menampung isipadu air banyak, aras tanah rendah, kesan pasang surut air laut serta sampah sarap yang dibuang ke dalam sistem saliran hingga menyebabkan gangguan pada saliran air.

"Oleh yang demikian, pihak MBPP melalui Jabatan Kejuruteraan telah menaik taraf sistem saliran di kawasan ini serta menyediakan satu kolam tadahan banjir berkapasiti 5,000 meter padu untuk menyimpan sementara limpahan air sebelum dipam masuk ke dalam parit utama yang mengalir ke Sungai Pinang," jelasnya.

Projek Tebatan Banjir Bayan Baru bermula Mei – Exco

PANTAI JEREJAK – Projek Tebatan Banjir (RTB) Bayan Baru akan bermula Mei ini dengan kos sebanyak RM24 juta, umum Chow Kon Yeow baru-baru ini.

Beliau selaku Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir berkata, pelaksanaan projek tersebut akan memanfaatkan kira-kira 7,500 penduduk dan juga perniagaan di sekitar Bayan Baru, Jalan Mahsuri, Persiaran Mahsuri, Jalan Dato' Ismail Hashim dan Jalan Mayang Pasir.

"Kejadian banjir kilat di kawasan ini dipengaruhi oleh faktor pasang surut paras laut melalui Sungai Keluang."

"Ia dianggarkan akan mengambil masa selama 24 bulan untuk diselesaikan iaitu pada bulan April 2020," ujarnya yang merupakan Ahli

Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota pada sesi lawatan tapak di sini.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon, Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng dan Ahli Parlimen Bayan Baru, Sim Tze Tzin.

Bagi mengatasi masalah tersebut, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Pulau Pinang telah mencadangkan pembinaan *collector drain* sepanjang Sungai Relau, menaik taraf sistem saliran sedia ada sepanjang 3,200 meter (m), pembinaan *crossing* di enam lokasi dan pembinaan rumah pam baharu berkapasiti 12m³/s.

dengan sebaik mungkin sebagai medium penyampaian wahyu ilahi bagi tujuan penghayatan dalam kehidupan.

Tarikh Masa Tempat Urus setia No. Tel.

1 April 2018 / 14 Rajab 1439H
8.00 pagi - 1.00 petang
ILP Kepala Balas, Pulau Pinang
Bahagian PMS, JHEAPP
04-250 2800

SEMINAR AL-QURAN
PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2018M / 1439H
Penyertaan terbuka

Tarikh Masa Tempat Urus setia No. Tel.

12 Mai 2018 / 26 Syaban 1439H
8.00 pagi - 1.15 petang
TH Hotel, Bayan Lepas, Pulau Pinang
Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang
04-263 2375

STREET DAKWAH
PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2018M / 1439H
Penyertaan terbuka

Tarikh Masa Tempat Urus setia No. Tel.

26 - 27 Mei 2018 / 2 & 3 Jun 2018
Masjid Negeri Pulau Pinang
Bahagian Dakwah, JHEAPP
04-262 6658

Menurut Kon Yeow, projek RTB Bayan Baru tersebut merupakan projek ketujuh daripada sembilan projek yang telah diluluskan pada Bajet 2017 Negeri membabitkan kos RM150 juta.

"Enam projek sudah mulakan kerja-kerja di tapak iaitu masing-masingnya di Mak Mandin, Sungai Permatang Rawa (2 projek), Taman Sri Rambai, Juru dan Taman Iping.

"Ini (RTB Bayan Baru) merupakan

projek ketujuh dan bakal diikuti oleh RTB Kampung Naran di Batu Maung dan Alma.

"Justeru, kita berharap dengan pelaksanaan projek-projek RTB ini akan mengurangkan masalah kekerapan banjir di kawasan-kawasan terlibat," jelasnya.

PROGRAM CELIK AL-QURAN PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2018M / 1439H

Sekolah-sekolah terpilih

- Membikin pulih pelajar yang sangat lemah dalam bacaan Al-Quran dan dapat meningkat dengan baik
- Membangun minat dan minuman yang berkualiti dari semua aspek kehadiran di dunia dan akhirat.
- Mempersaka pelajar dengan akhlak Al-Quran.
- Meresmiasikan hasil kerja Negeri Negeri untuk melahirkan "Satu Keluarga Seorang Hafiz".

Tarikh Tempat Urus setia No. Tel.

Sepanjang bulan-bulan Al-Quran
Surau-surau sekolah terpilih
04-250 2800

KELAS TAHFIS DAN TAFSIR PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2018M / 1439H

Penyertaan terbuka

Tarikh Tempat Urus setia No. Tel.

19 Mac 2018 - 2 Jun 2018
Maahad Tahfiz terpilih
04-835 6800

PROGRAM HAFAZAN DAN TALAQQI AL-QURAN PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2018M / 1439H

Penyertaan terbuka

- Melahirkan Hafiz Al-Quran dalam kalangan orang awam bagi merealisasikan matlamat kerajaan negeri untuk melahirkan "Satu Keluarga Seorang Hafiz Al-Quran"
- Memberi pendekaran kepada masyarakat berkaitan kelebihan dan keistimewaan menghafaz Al-Quran.

Tarikh Masa Tempat Urus setia No. Tel.

24 Mac - 2 Jun 2018 (Selap Sabtu)
9.30 pagi - 12.30 tengahari
Masjid Negeri Pulau Pinang
04-282 2212

"KHUTBAH MEDIUM WAHYU ILAHI ; KHATIB SUPER KHUTBAH POWER" PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2018M / 1439H

Terbuka kepada pegawai masjid & pelapis pegawai masjid

- Khutbah merupakan medium terbaik bagi menyuarakan wahyu ilahi. Ini kerana khutbah dibacak sebelum solat jumaat dan merupakan salah satu syarat sah solat Jumaat yang jelas diberikan perhatian dan keistimewaan sehingga surah ke 62 A-i-Quran dinamakan sebagai surah al-Jumaah. Hari jumaat adalah hari perhimpunan mingguan umat Islam yang besar. Justeru, medium khutbah ini wajar digunakan

Tarikh Tempat Urus setia No. Tel.

26 - 27 Mei 2018 / 2 & 3 Jun 2018
Masjid Negeri Pulau Pinang
Bahagian Dakwah, JHEAPP
04-262 6658

PROGRAM BACAAN KITAB PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2018M / 1439H

Penyertaan terbuka

Tarikh Masa Tempat MASA

25 Mac 2018 (Ahad)

PROGRAM JELAJAH IBRAH AL-QURAN PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2018M / 1439H

Penyertaan terbuka

Tujuj : Kegiatan Al-Quran, Refleksi Cinta Sejati

JUSCELI

TARIKH TEMPAT MASA

25 Mac 2018 (Ahad) Masjid Simpang Empat, Balik Pulau 8.00 pagi - 11.00 pagi

25 Mac 2018 (Ahad) Masjid Teluk Bahang 8.00 min - 10 min

26 Mac 2018 (Isrin) Kg Kersik Tinggi Masjid Balik Pulau 9.00 pagi - 11.00 pagi

26 Mac 2018 (Isrin) Masjid Ridzwanah, Sungai Batu 8.00 min - 10 min

11 April 2018 (Rabu) Masjid Jamek As-Salam Kg Tok Bedu, Kepala Batas 8.00 min - 10 min

12 April 2018 (Khamis) Masjid Sungai Dua Pakan, Sungai Dua, Butterworth 8.00 min - 10 min

12 April 2018 (Khamis) Kg Teluk Air Tawar, Butterworth 9.00 pagi - 11.00 pagi

13 April 2018 (Jumat) Kem Teratai Uda Butterworth 9.00 pagi - 11.00 pagi

22 April 2018 (Ahad) Masjid al-Qathir, Permatang Damar Laut 8.00 min - 10 min

23 April 2018 (Isrin) Kolaj Vokasional Nibong Teluk 9.00 pagi - 11.00 pagi

23 April 2018 (Isrin) Masjid Al-Amni, Simpang Tiga, Sungai Acheh 8.00 min - 10 min

24 April 2018 (Iselin) Perjaya JANI 9.00 pagi - 11.00 pagi

24 April 2018 (Iselin) Masjid Jamek Kepala Gajah 8.00 min - 10 min

25 April 2018 (Rabu) Sekolah Menseseng Data Kalau 9.00 pagi - 11.00 pagi

16 Julai 2018 (Isrin) JPN 11700 Jln Bukit Gambit, Sungai Pinang 9.00 pagi - 11.00 pagi

16 Julai 2018 (Isrin) Masjid Al Taqwa, Lahar Yosi 13300, Tasek Gelugor 8.00 min - 10 min

17 Julai 2018 (Selasa) SMK Tinge Bukit Metamagi 9.00 pagi - 11.00 pagi

17 Julai 2018 (Selasa) Tengku Tengku 12300, Kepala Batas 8.00 min - 10 min

18 Julai 2018 (Rabu) Surau Ar Rahim, Kolaj Vokasional Batu Lancang 9.00 pagi - 11.00 pagi

19 Ogos 2018 (Isrin) CCR Kg Selamat 9.00 pagi - 11.00 pagi

19 Ogos 2018 (Isrin) Masjid Tuanku Haji Mohd Desa, Bukt Mriyak, 14000 BM 8.00 min - 10 min

19 Ogos 2018 (Selasa) Politeknik Seberang Perai, Pemersing Pauh 9.00 pagi - 11.00 pagi

19 Ogos 2018 (Rabu) AACD Batu Feringgi 8.00 min - 10 min

19 Ogos 2018 (Rabu) AACD Timur Laut 9.00 pagi - 11.00 pagi

Urus setia : Bahagian Dakwah, JHEAPP / No. Tel. : 04-262 6658

*Tertakluk pada pindaan.

MALAYSIA SAMBUTAN NUZUL QURAN PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2018M / 1439H

Penyertaan terbuka

Tarikh Masa Tempat MASA

2 Jun 2018 / 17 Ramadhan 1439H

8.00 pagi - 5.00 petang

Masjid Negeri Pulau Pinang

Bahagian Pendidikan, JHEAPP

04-250 2800

YBhg Dato' Dr. Haji Ahmad bin Ibrahim

MAJLIS SAMBUTAN NUZUL QURAN
PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2018M / 1439H

Penyertaan terbuka

Tarikh Masa Tempat MASA

2 Jun 2018 / 17 Ramadhan 1439H

8.00 petang - 11.00 malam

Masjid Negeri Pulau Pinang

Bahagian Dakwah, JHEAPP

04-262 6658

Tarikh Masa Tempat MASA

2 Jun 2018 / 17 Ramadhan 1439H

8.00 pagi - 11.00 pagi

Masjid Baitul Hikmah

04-262 6658

Tarikh Masa Tempat MASA

2 Jun 2018 / 17 Ramadhan 1439H

Pulau Pinang sambut penerbangan sulung Citilink Indonesia dari Jakarta

Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF

Gambar : NOOR SITI NABILAH NOORAZIS

BATU MAUNG – Pulau Pinang bersedia memperbanyakkan produk-produk pelancongan baharu, di samping memasyurkan lagi kawasan pelancongan sedia ada dalam usaha menarik lebih ramai pelancong ke negeri ini, ujar Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Beliau berkata, selain makanan dan tempat-tempat menarik, turut boleh dibanggakan adalah seni warisan dan masyarakat majmuk berbilang bangsa yang merupakan keunikan di sini.

“Kita berbangga apabila syarikat penerbangan tambang murah Citilink

Indonesia memilih Pulau Pinang sebagai destinasi dan negeri pertama dalam negara untuk penerbangan terus tersebut.

“Ini merupakan peluang bagi menghubungkan secara terus pelancong Indonesia ke Pulau Pinang sama ada untuk bersiar-siar atau bagi tujuan pelancongan perubatan,” ucapnya pada Majlis Menyambut Ketibaan Pertama Penerbangan Citilink dari Jakarta Ke Pulau Pinang di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA) di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon; Exco Pembangunan Pelancongan, Law Heng Kiang; Exco Belia & Sukan, Pembangunan

PESAWAT Citilink Indonesia yang tiba di PIA baru-baru.



KETUA Menteri dan Mohd. Rashid Hasnon (kiri sekali) menyambut ketibaan penumpang pesawat Citilink Indonesia yang ke sini baru-baru ini.

Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng; Pengurus Besar Pemasaran Malaysia Airports Berhad, Mohamed Sallahudin Mat Sah dan Ketua Pegawai Kewangan Citilink Indonesia, Fransetya Hutabarat.

Citilink Indonesia merupakan syarikat penerbangan tambang murah milik Garuda Indonesia Group yang akan melakukan penerbangan setiap hari menghubungkan Pulau Pinang dan Jakarta.

Malah, syarikat penerbangan tersebut turut diiktiraf oleh Skytrax sebagai

penerbangan bertaraf empat bintang.

Susulan Pulau Pinang kini mampu menarik kedatangan ramai pelawat, Guan Eng sekali lagi menegaskan kepentingan pembesaran PIA kepada kapasiti 12 juta penumpang.

“Kapasiti penumpang telah mencapai 7.2 juta penumpang tahun lalu.

“Diharap apabila pembesaran ini kelak, Citilink dapat menambah lagi jumlah bilangan penerbangan harian kepada tiga kali setiap hari,” ujarnya.

Pulau Pinang hargai pelaburan UWC Holdings, taja biasiswa pelatih PSDC

BUKIT TAMBUN – RM150 juta pelaburan UWC Holdings membuka kilang berkaitan peranti semikonduktor, penjagaan kesihatan dan perubatan di Batu Kawan akan mencipta kira-kira 1,200 lagi peluang pekerjaan untuk warganegara.

Ketika berucap, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berharap UWC Holdings dapat menyediakan ruang bekerja sambil belajar dalam kilang sebagaimana diamalkan di Jerman.

“Diharapkan di sini juga diwujudkan ruang untuk belajar sambil bekerja,” jelasnya dalam Majlis Perasmian Bangunan UWC di sini 31 Mac lalu.

Turut berucap, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Lembaga Pembangunan Industri Malaysia (MIDA), Datuk Azman Mahmud dan Pengarah Urusan UWC, Datuk Ng Chai Eng.

Hadir sama, Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Chong Eng; Ahli Parlimen Batu Kawan, P. Kasthuriaani; Pengerusi Persekutuan Pengusaha Kilang-Kilang Malaysia (FMM) Pulau Pinang, Datuk Ooi Eng Hock; Konsulat Persekutuan Republik Jerman, Datuk Hans Brenner; Konsulat Republik Belanda, Datuk Seri Suppiah Manikam; Konsulat Republik Austria, Berthold Jungwirth serta Konsulat Denmark, Lio Chee Yeong.

Guan Eng memberitahu, Laporan Pencapaian Tahunan 2017 MIDA baru-baru ini antara lain menyebut RM10.8 bilion nilai pelaburan bidang pembuatan negeri adalah menyamai 151 peratus berbanding tahun sebelumnya.

“Pulau Pinang juga adalah terbaik antara negeri-negeri lain apabila angka pelaburan asing langsung (FDI) ke negeri ini bernilai RM8.7 bilion, bertumbuh kira-kira 209 peratus berbanding tahun lepas.

“Maka, tidak hairanlah (stesen televisyen antarabangsa) BBC menamakan Pulau Pinang sebagai ‘Lembah Silikon’ rantau Asia pada masa depan,” jelasnya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan & Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam.

Sebelum itu, Azman berkata, MIDA akan terus menggalakkan lebih banyak lagi syarikat tempatan untuk menyesuaikan diri dengan perkembangan automasi serta teknologi pembuatan pintar masa depan, dalam era Revolusi Perindustrian 4.0.

Chai Eng pula menyatakan bahawa pelaburan UWC di Pulau Pinang diharap turut menyumbang kepada usaha

menjadikan Malaysia termasuk negeri ini sebagai ‘negara berpendapatan tinggi’.

Pada majlis sama, Guan Eng dan Azman turut menyaksikan Majlis Menandatangi Memorandum Persefahaman (MoU) Berkaitan Pemberian RM331,000 Biasiswa UWC Kepada Pelatih Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang (PSDC).

Dalam MoU itu, UMW diwakili Chai Eng sendiri, manakala PSDC diwakili CEO PSDC, Mohammad Ali.

Guan Eng turut menyaksikan Chai Eng menyerahkan cek replika sumbangan RM10,000 kepada tiga pihak, iaitu Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Chung Hwa Pusat, SJKC Beng Teik (Pusat) dan Persatuan Alumni Sekolah.

• Perlukan Modal Tambahan? • Ingin..... Kembangkan Perniagaan?
• Dapatkan Pinjaman Mikro Kredit PTSR Segera!!!

TANPA CAGARAN & PENJAMIN

PINJAMAN MIKRO KREDIT PROJEK TITIAN SAKSAMA RAKYAT (PTSR)
NEGERI PULAU PINANG

SYARAT KELAYAKAN

- Warganegara Malaysia berumur antara 18-60 tahun • Berniaga dan menetap di Pulau Pinang
- Mempunyai lesen perniagaan dan telah berniaga sekurang-kurangnya 6 bulan

RM1,000 - RM6,000 (PINJAMAN PERTAMA)
TEMPOH BAYARAN BALIK 1 TAHUN
TANPA FAEDAH

MAKSIMA RM20,000 (PINJAMAN KALI KE-2, KE-3 & KE-4)
TEMPOH BAYARAN BALIK 2 TAHUN
8% FAEDAH SETAHUN

HUBUNGI: Unit PTSR, Bahagian Pembangunan Usahawan, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang
Bangunan Tun Dr. Lim Chong Eu, No.1, Persiaran Mahsuri, Bandar Bayan Baru, Bayan Lepas, Pulau Pinang

Tel: 04-634 0111 (samb: 141/125/182/354/479) Faks: 04-642 6916

Polisi Hijau Kerajaan Negeri, apa kata umum?

KERAJAAN Pakatan Harapan (PH) yang mengambil alih pemerintahan Pulau Pinang daripada Barisan Nasional (BN) sedekad lalu meletakkan misi dan visi menjadikan Pulau Pinang sebuah negeri yang Bersih serta Hijau.

Atas dasar tersebut, PH memperkenalkan pelbagai polisi Hijau seperti Hari Tanpa Beg Plastik, 'pengharaman' penggunaan polistirena, Hari Tanpa Kenderaan, kempen kesedaran kitar semula, Dasar

Pengasingan Sisa Di Punca, tidak meneroka Hutan Simpanan Kekal, tidak menyajikan masakan sirip ikan yu pada majlis rasmi Kerajaan Negeri dan pelbagai lagi.

Wartawan Buletin Mutiara, **WATAWA NATAF ZULKIFL SU CHIN & NUR AFINA MOHD. RAFIQ MICHAEL** baru-baru ini mendapatkan respons umum berhubung polisi Hijau Kerajaan Negeri Pulau Pinang.



AHMAD AIZAT KHALID.

"Saya amat tertarik dengan polisi Hijau yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang secara tidak langsung boleh mengurangkan 'kesan rumah hijau' serta menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri rendah karbon di masa hadapan... kerana perkara tersebut merupakan intipati penting dalam menentukan status bagi bandar raya maju," **NURUL ATIKA ZAINAL**, 27, kakitangan swasta.



SYAFIEDA Salleh.

"Penggunaan plastik sememangnya wajar dikurangkan, selain mencemarkan dan mengancam hidupan akuatik, penggunaan plastik untuk makanan panas juga mampu menukar sifatnya kepada beracun selain sukar diurai. Program *upcycle* yang ditekankan Kerajaan Negeri juga merupakan satu alternatif kepada orang ramai," **SYAFIEDA SALLEH**, 21, pelajar.

"Pernah digelar sebagai negeri 'Darul Sampah' pada era 90-an, bermula pada tahun 2008, Pulau Pinang dilihat agresif membangunkan agenda Pulau Pinang Hijau dan Bersih, diikuti Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat selepas itu.

"Agenda-agenda dibangkitkan dilihat amat memberangsangkan sehingga polisi sama turut diikuti oleh negeri-negeri lain terutamanya dalam Kempen Hari Tanpa Beg Plastik Setiap Hari, 'pengharaman' polistirena dan Hari Tanpa Kenderaan," **AHMAD AIZAT KHALID**, 25, bekerja sendiri.



NURUL ATIKA ZAINAL.

"Polisi Hijau pada hakikatnya dapat mengurangkan kos daripada segi pengurusan sampah, justeru, polisi Hijau yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri seharusnya diterima pakai oleh semua lapisan penduduk negeri ini," **V. KOMATHI**, 30, pekerja restoran makanan segera.



V. Komathi.



INTAN SURAYA SHAIKUL AFFANDI.

"Kempen Dasar Pengasingan Sisa Di Punca oleh Kerajaan Negeri melalui pihak berkuasa tempatan (PBT) dilihat begitu berkesan.

"Kalau kita ke taman-taman perumahan, kita dapat lihat tong-tong pengasingan sisa di punca ini penuh, yang secara tidak langsung menunjukkan bahawa rakyat juga memberi kerjasama yang baik dalam memastikan matlamat negeri Hijau berjaya," **INTAN SURAYA SHAIKUL AFFANDI**, 22, pelajar.

"Paling tertarik dengan polisi Hijau ini adalah tentang kempen tidak menggunakan beg plastik dan pengasingan sisa di punca.

"Saya sendiri sering praktikkan kedua-dua perkara tersebut demi kelestarian alam sekitar khususnya di Pulau Pinang. Selain pasar raya, kedai-kedai biasa juga sudah banyak tidak sediakan beg plastik, ini adalah satu langkah terpuji dalam menyahut seruan Kerajaan Negeri," **HAFIZATUN NAJIHAN ZAIBOL BAHAR**, 24, pelajar.



HAFIZATUN NAJIHAN ZAIBOL BAHAR.

"Melalui kempen kitar semula, guna semula (*upcycle*) dan pengasingan sisa di punca, saya yakin hasrat Kerajaan Negeri dalam merealisasikan Pulau Pinang sebagai negeri Hijau mampu tercapai.

"Tambahan pula, kejayaan usaha tersebut dapat dilihat melalui kadar kitar semula di negeri ini melebihi kadar kitar semula peringkat kebangsaan," **CHOO YEE CHIN**, 23, pelajar.




CHOO YEE CHIN.



NUR DIANA EMILIAN ZAINUDDIN.

"Saya menyifatkan pengenalan Hari Tanpa Beg Plastik yang diperkenalkan Kerajaan Negeri sebelum ini adalah amat baik untuk alam sekitar. Cuma saya rasa jika ditegah terus menggunakan beg plastik adalah lebih baik dan mengantikannya dengan beg kertas yang boleh dikitar semula.

"Bagi kitar semula, pendapat saya, tong-tong untuk kitar semula perlu ditambah lagi bagi menggalakkan rakyat menjalankan aktiviti itu," **NUR DIANA EMILIAN ZAINUDDIN**, 23, usahawan muda.



SUKHUMA AI LIAN.

"Dalam pembangunan negeri Pulau Pinang yang pesat, polisi Hijau yang dilaksanakan Kerajaan Negeri amatlah bersesuaian.

"Walaupun Pulau Pinang membangun, saya difahamkan bahawa negeri ini tidak langsung menganggu-gugat Hutan Simpanan Kekal yang kita anggap sebagai 'pembekal oksigen' utama," **SUKHUMA AI LIAN**, 23, pelajar.



YADIY FARIS.

"Langkah mewartakan Hari Tanpa Beg Plastik dan pengharaman polisterina merupakan satu langkah bijak oleh Kerajaan Negeri dalam menjaga kualiti alam sekitar terutamanya di Pulau Pinang.

"Seperti yang kita tahu, pelupusan plastik dan polistirena mampu memberi kesan kepada lapisan ozon sekaligus meningkatkan pemanasan global," **YADIY FARIS**, 25, koordinator jualan.

Isu alam sekitar, setiap rakyat harus sedar akan peranan masing-masing

MENJELANG hujung tahun ini, Pulau Pinang bakal memiliki sebuah pusat pembelajaran *Green Oasis Environmental Learning Centre*, iaitu yang pertama dalam negara.

Antara isu-isu teras yang akan diberikan penekanan kepada setiap pengunjung yang hadir adalah berhubung pengurusan sisa, pemuliharaan tenaga dan sumber air, perubahan iklim serta hutan.

Sebagai sebuah bandar raya yang kian membangun, ia bukan sahaja diukur dengan perkembangan ekonomi dan jaringan infrastruktur sahaja, malah perlu juga dilihat daripada segi kelestarian.

Justeru, Pengurus Besar Penang Green Council (PGC), **THING SIEW SHUEN** berkata, pusat berkaitan bakal menjadi platform bagi memberikan pembelajaran berhubung isu-isu kelestarian alam sekitar terutamanya kepada generasi muda.

"Pusat ini akan menjadi sebuah tempat pembelajaran kepada para pengunjung berhubung isu-isu pengurusan sisa, tenaga diperbaharu, air dan bagaimana setiap daripada rakyat negeri ini dapat memainkan peranan melestarikan Pulau Pinang pada masa hadapan," ujarnya kepada

wartawan Buletin Mutiara, **NORSHAHIDA YUSOFF** dan jurugambar, **AHMAD ADIL MUHAMAD** ketika ditemui di pejabatnya baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Siew Shuen menyatakan bahawa perubahan sikap masyarakat Pulau Pinang mula dikenal pasti sejak pelaksanaan Kempen Tiada Beg Plastik Percuma.

Ulas beliau, walaupun pada awal pelaksanaannya, Kerajaan Negeri menerima banyak bantahan, pertanyaan dan juga persoalan daripada masyarakat, namun kempen tersebut berjaya diimplementasikan sepenuhnya setiap hari kini.

"Sebenarnya, apabila umum mula membuat aduan, ia adalah proses untuk mereka membiasakan diri dan berfikir untuk berubah.

"Pelaksanaan ini telah berjaya mengubah corak pemikiran warga negeri sejak tahun 2009, di sinilah Kerajaan Negeri terpaksa memainkan peranan memberikan penerangan dan kefahaman yang lebih kepada umum mengenai kebaikan serta keburukan plastik.

"Ironinya, apabila melibatkan benda-benda percuma seperti beg plastik, sebagai manusia, lazimnya kita susah untuk menghargai

pemberian tersebut, maka ia akan diabaikan dan dibuang begitu sahaja yang akhirnya memberikan kesan buruk kepada alam sekitar," ujarnya apabila disoal berhubung tahap perubahan masyarakat Pulau Pinang kini.

Meskipun begitu, menurut Siew Shuen, melalui beberapa kajian yang dijalankan terhadap warga negeri Pulau Pinang secara rawak mendapati bahawa kebanyakannya daripada mereka tahu akan isu-isu alam sekitar, kehijauan dan kemapanan.

"Tetapi, pengetahuan ini tidak ditransformasikan kepada sebuah tindakan... ini mungkin disebabkan kurang motivasi atau kesedaran.

"Kebiasaannya, apabila kita tidak tahu apakah kesan daripada setiap tindakan yang dilakukan, kita tidak akan berubah.

"Contohnya, seperti sisa makanan yang dibuang bukan sahaja merupakan pembaziran, pada masa sama mengancam alam sekitar.

"Sisa makanan di tapak pelupusan sampah menghasilkan gas metana yang tinggi selain membentuk larutan resapan sangat kotor dan sekali gus memberi kesan bahaya kepada sungai serta sumber air bawah tanah," jelasnya.

Tuntas ke arah sebuah bandar raya lebih lestari dan mampan, bermula 1 Jun 2016, Kerajaan Negeri menyeru seluruh rakyat melaksanakan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca.

Pelaksanaan yang hampir masuk tahun kedua berkaitan menunjukkan kesan positif apabila kadar peratusan kitar semula negeri meningkat dengan drastik daripada 32 peratus berganjak kepada 38 peratus kini.

"Jumlah tersebut telah melepassi kadar kitar semula negara apabila orang ramai mula mengasingkan sisa masing-masing kepada dua aliran utama.

"Selain polisi atau dasar pelaksanaan, apa yang lebih penting adalah Kerajaan Negeri mahukan rakyatnya lebih memahami dan sedar akan kebaikan daripada pelaksanaan tersebut.

"Susah untuk mengubah *habit* dan sikap yang telah diperlakukan begitu lama, namun kemahanan adalah di tangan masing-masing," katanya.

Tambah Siew Shuen, dalam menjadikan Pulau Pinang sebaik negara Jepun, beliau menganggarkan sekurang-kurangnya ia bakal mengambil tempoh masa 40 tahun.

Justeru, beliau menyatakan



THING Siew Shuen.

bahawa **setiap rakyat dan isi rumah perlu benar-benar sedar serta berubah.**

"Jika ingin menjadi seperti negara Jepun, kita perlu menunggu selama 40 tahun lagi. Tetapi, adakah alam sekitar dan Tapak Pelupusan Sungai Burong mampu menunggu selama itu untuk kita berubah.

"Jika tidak sekarang bila lagi? Adakah kita mahu sebuah tapak pelupusan yang baharu dibangunkan? Soalnya di mana?

"Adakah di antara kita (rakyat) mahukan tapak pelupusan dibangunkan berhampiran kawasan kediaman kita? Pasti jawapannya tidak... maka setiap rakyat harus sedar akan peranan masing-masing terhadap isu-isu berbangkit ini," jelasnya.

Pulau Pinang menuju ke arah negeri mampan

POLISI HIJAU

1. Melaksanakan Kempen Pulau Pinang Bersih dan Hijau

* Bagi memulihkan kembali persekitaran hidup ke arah sebuah bandar raya bersih dan hijau melalui penglibatan tiga pihak iaitu sektor kerajaan, korporat dan masyarakat.

* Pada tahun 2010, kempen ini telah ditambah baik dengan slogan Pulau Pinang Bersih, Hijau, Selamat dan Sihat.

2. Hari tanpa beg plastik percuma

* Diperkenalkan pada 6 Julai 2009 yang dilaksanakan pada setiap hari Isnin di semua pasar raya besar, pasar raya dan pasar raya mini di seluruh Pulau Pinang.

* Bertujuan memupuk kesedaran rakyat terhadap kepentingan alam sekitar dengan mengelakkan penggunaan beg plastik secara berleluasa dan kutipan 0.20 sen akan dikenakan bagi setiap beg plastik yang dibekalkan di kaunter pembayaran.

3. Larangan penggunaan bekas makanan polistirena

* Larangan penggunaan polistirena di semua majlis rasmi Kerajaan Negeri, premis atau gerai makanan telah diperkenal sejak tahun 2009 dalam usaha mengurangkan pencemaran alam sekitar.

* Larangan ini kemudiannya, dilaksanakan secara berperingkat

dan berkuatkuasa tahun 2011 di semua premis dan gerai makanan.

4. Bantahan membina Loji Janakuasa Nuklear

* Kerajaan Negeri Pulau Pinang bertegas tidak akan membenarkan sebarang pembinaan loji janakuasa nuklear di negeri ini sejak tahun 2010 bagi memastikan rakyatnya selamat daripada pencemaran.

5. Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PIP)

* PIP adalah penyelesaian utama untuk memenuhi peningkatan pengangkutan awam dan jalan raya yang bakal berlaku dalam tempoh 50 tahun akan datang (2015-2065) di Pulau Pinang.

6. Penubuhan Penang Green Council (PGC)

* PGC ditubuhkan pada tahun 2011 sebagai pemangkin mempromosikan dasar hijau dan menyelaras projek-projek alam sekitar di Pulau Pinang.

7. Pengharaman sajian sirip ikan yu

* Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menandatangani satu deklarasi dengan WWF (World Wildlife Fund) pada tahun 2015 bagi mengharamkan menu berdasarkan sirip ikan yu dalam semua jamuan rasmi kerajaan.

8. Dasar Pengasingan Sisa Di

Punca

* Telah dilancarkan pada 1 Jun 2016, manakala pengasingan kompaun bermula pada 1 Jun 2017 di mana setiap premis dikehendaki mengasingkan sisa kepada sekurang-kurangnya dua aliran iaitu sisa kitar semula (kertas, plastik, aluminium, kaca) dan sisa baki (sisa makanan, sisa kotor).

BANDAR RAYA RENDAH KARBON

1. Mewujudkan perkhidmatan bas CAT (Transit Kawasan Pusat)

* Dalam mewujudkan persekitaran rendah karbon yang mampan, Kerajaan Negeri telah menawarkan perkhidmatan bas percuma Central Area Transit (CAT) di dalam kawasan George Town.

* Perkhidmatan ini telah dimulakan pada 23 Januari 2008 dengan menggunakan perkhidmatan bas Rapid Penang sebanyak tiga buah bas sebagai permulaan dan kini telah ditambah kepada lima buah bas.

2. Perkhidmatan Bridge Express Shuttle Transit (BEST)

* BEST merupakan perkhidmatan shuttle ulang-alik secara percama dari dan ke Komtar, Seberang Perai, Kawasan Perindustrian Bebas Bayan Lepas (FTZ) dan Balik Pulau yang diperkenalkan

pada 1 Mac 2011 dengan kerjasama Rapid Penang.

* Kini sebanyak 8 buah BEST Komtar beroperasi dan 14 buah bas untuk BEST FTZ.

3. Kebun Kejiranan

* Diperkenalkan pada tahun 2010 untuk memberi pengiktirafan dan galakan kepada penglibatan komuniti dalam memelihara kualiti alam sekitar dan amalan hijau.

4. Laluan Basikal

* Lebih kurang 161 kilometer (km) daripada laluan basikal dengan jumlah panjang 179km telah dirancang di bahagian pulau, manakala Seberang Perai sepanjang 210km.

5. Sistem perkongsian basikal

* Diperkenalkan pada 17 Disember 2016 sebagai inisiatif untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai 'negeri berbasikal'. Sejumlah 25 stesen, 250 basikal dan 300 bicycle dock disediakan di lokasi-lokasi strategik di sekitar Pulau Pinang.

6. Penggunaan lampu jalan jenis LED

* Kerajaan Negeri akan memastikan penggunaan lampu jalan jenis LED sebanyak 20,000 unit menjelang tahun 2020 untuk mengurangkan 30% tenaga elektrik.

BANDAR RAYA LESTARI

1. Program penanaman pokok

* Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menanam lebih kurang 271,000 batang pokok dari tahun 2008 sehingga Disember 2017, ini termasuk 137,193 pokok bauku demi menjaga ekosistem kawasan persisiran pantai.

2. Peranti penjimatan air

* Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) telah memasang pelbagai jenis peranti 'mesra air' (WSD) di semua bangunannya sejak tahun 2012.

3. Program Sekolah Hijau

* Bagi memupuk semangat memelihara alam sekitar di sekolah-sekolah rendah dan menengah di Pulau Pinang.

4. Hari Tanpa Kenderaan

* Kawasan Lebuh Pantai akan ditutup pada setiap hari Ahad dari jam 7.00 pagi hingga 1.00 petang bagi memberi ruang kepada orang awam menggunakan jalan-jalan ini untuk berekreasi dan beriadah.

5. Pocket Park

* Sehingga tahun 2017, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah menyediakan 5 pocket park, 11 Taman Kejiranan Hijau dan Taman Awam. Manakala, Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) telah menyediakan 12 pocket park, 12 Taman Kejiranan Hijau dan Taman Awam.

Seinci pun hutan simpanan kekal Pulau Pinang tidak ‘disentuh’ sejak 2008 - Pengarah Perhutanan

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

Gambar : **SU CHIN**

DI Pulau Pinang, terdapat 5,200 hektar Hutan Simpanan Kekal, dengan proses perwartaan dimulakan seawal tahun 1911, iaitu sejak zaman kolonial British lagi.

Di dunia, terdapat 43 spesies tumbuhan berkayu yang diberi nama sempena negeri ini, seperti *Hopea bracteata var. penangiana* (Merawan Unggu), *Beilschmedia penangiana* (Medang) dan *Haniffia cycnescens var. penangiana* (Halia Hutan).

Selain itu, terdapat sebanyak 62 spesies pokok hutan yang dinamakan sempena seorang ahli botani British terkenal yang pernah bertugas di Taman Botani Pulau Pinang suatu ketika dahulu iaitu Charles Churtis.

“Contohnya, spesies Meranti Seraya, nama saintifik tumbuhan itu adalah *Shorea curtisii* iaitu sempena nama *Charles Churtis* ini.

“Ertinya, ada lebih 42 spesies sempena nama Pulau Pinang, selain 62 spesies lain,” jelas Pengarah Perhutanan Negeri Pulau Pinang, **RUSLI TAHIR** dalam wawancara bersama-sama wartawan Buletin Mutiara di pejabatnya baru-baru ini.

Nilai Hutan Kita

Sewaktu bertugas di Jabatan Perhutanan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Rusli memberitahu, beliau dengan satu badan perunding profesional dari Universiti Putra Malaysia pernah membuat satu kajian bagi menentukan nilai sebenar Hutan Simpan Bukit Sungai Puteh.

“Melalui metod PES (*Payments for Ecosystem Services*), ada 22 elemen dinilai, termasuklah balak, perlindungan tanah, nilai estetika, nilai warisan, bagi setiap elemen itu boleh ditukar menjadi ringgit dan sen.

“(Bagi PES ini), terdapat formula yang standard diguna pakai di peringkat antarabangsa.

“Hasil kajian, satu hektar Hutan Simpan Bukit Sungai Puteh didapati hampir RM30 juta,” katanya.

Mengambil hasil kajian tersebut, ulas beliau, secara kasar nilai 5,200 hektar hutan simpan kekal di negeri ini dianggarkan bernilai RM154 bilion. Bayangkan!

Faedah Pulihara Hutan

Menurut Rusli, sebenarnya banyak lagi tujuan dan faedah Kerajaan mewartakan satu-satu kawasan sebagai hutan simpanan kekal.

Pertama, jelasnya, untuk tujuan alam sekitar kerana hutan simpanan kekal bak ‘jantung’ Pulau Pinang kerana paling banyak membekalkan oksigen kepada semua habitat lain, termasuk lebih 1.6 juta rakyat Malaysia di sini.

“Bayangkan jika tiada lagi hutan simpan di Juru, Bukit Mertajam, Bukit Panchor dan Bukit Bendera, boleh mengubah iklim mikro menjadi lebih panas; kalau hujan, risiko tanah runtuh lebih tinggi, kawasan tадahan air juga akan terjejas.

“Kedua, dengan adanya pemeliharaan seperti Taman (Rimba) Teluk Bahang, membolehkan rakyat di negeri ini menjalankan aktiviti sosial seperti rekreasi dan berkelah.

“Selain itu, hutan simpanan kekal adalah bank genetik terhadap kepelbagaiannya biologi yang sangat bermanfaat kepada manusia.

“Apabila hutan simpanan kekal negeri terpelihara, iklim lebih nyaman, tentu menggamit lebih ramai pengunjung dan pelancong ke Bukit Bendera, Taman Rimba Bukit Mertajam dan Taman Negeri Bukit Panchor.

“Contoh, Taman Rimba Bukit Mertajam (dekat Cherok To' Kun) menerima kira-kira 720,000 pengunjung setahun, bayangkan!

“Maka, sektor pelancongan, perhotelan, restoran (serta) aktiviti jalanan makanan sekaligus turut akan berkembang, dan semua ini adalah nilai sisi tak ketara (*intangible*), ataupun contoh kesan berganda (*multiplier effect*) dari segi ekonomi, apabila Kerajaan Negeri tidak sentuh walau seinci pun hutan simpanan kekal di Pulau Pinang sejak 2008,” ujarnya sambil memberitahu bahawa pasukannya adalah terdiri oleh 64 kakitangan Kerajaan.

RUSLI Tahir.



Melihat pada tiga faedah utama tersebut, kata Rusli, saban tahun, Jabatan Perhutanan Negeri menerima RM5 juta peruntukan, sebahagiannya dimanfaatkan untuk kerja-kerja memelihara dan memulihara hutan simpan kekal.

Pelihara & Pulihara

Sejak tahun 2008, lebih 271,000 batang pokok renek dan pokok teduh ditanam di seluruh negeri ini, demi ke arah merealisasikan impian Kerajaan Negeri iaitu ‘Pulau Pinang Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat’.

Sepanjang tempoh itu, Rusli menjelaskan, jabatannya menyumbang lebih 15,000 anak pokok teduh jenis Tecoma atau ‘Sakura Malaysia’ kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) dan agensi kerajaan yang lain untuk tujuan landskap perbandaran.

“Dengan kerjasama agensi kerajaan lain, NGO (badan bukan kerajaan) dan komuniti setempat seperti di Balik Pulau, Kampung Permatang Damar Laut, kita anjur program tanam pokok jenis hutan seperti Merawan, Karas, Meranti, Medang Teja, Jelutong dan Palma...dan pokok Bakau Minyak, Bakau Kurap dan Api-Api.

“Kita ada projek tanam pokok bakau dengan NGO PIFWA (*Penang Inshore Fishermen Welfare Association*) di Sungai Aceh sejak 2005 lagi, bagi meningkatkan kesedaran selepas tragedi tsunami.

“Program tanam pokok di sekolah, contohnya di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Sheikh Abdullah Fahim kian hijau kerana projek tanam pokok sejak 1996 lagi,” jelasnya sambil menzhirkan rasa terkejut apabila dimaklumkan seorang guru sekolah berkenaan berhubung pokok yang subur dan bermanfaat kepada warga sekolah.

Isu ‘Bukit Botak’

Pun begitu, Rusli mengakui bahawa Jabatan Perhutanan Negeri sendiri turut mendepani pelbagai cabaran.

Antaranya, beberapa tahun lalu, isu ‘Bukit Botak’ menggamit perhatian banyak pihak, sehingga digeneralisasi konon-kononnya hutan simpanan kekal di Pulau Pinang turut ‘disentuh’ seperti negeri-negeri lain.

Rusli sekali lagi menegaskan, Pulau Pinang merupakan satu-satunya negeri di Semenanjung Malaysia yang hutan simpannya masih tidak ‘disentuh’ dalam tempoh 10 tahun ini.

Mengulas lanjut, beliau memberitahu, jabatannya turut menerima pelbagai aduan, tetapi pasca proses semakan menyaksikan tidak ada satu pun kes ‘bukit botak’ terbabit

termasuk dalam kawasan hutan simpanan kekal yang diwartakan.

“Semua kawasan yang dirujuk pada isu ‘bukit botak’ merupakan dalam kawasan tanah hak milik (persendirian) dan tanah Kerajaan yang sedang dibangunkan.

“Itu, di bawah bidang kuasa PBT (pihak berkuasa tempatan) dan juga PTG (Pejabat Tanah & Galian) dan juga Pentadbir Tanah, yang tidak melibatkan 16 hutan simpanan kekal yang diwartakan di negeri ini.

“Selama tempoh 10 tahun ini, memang tidak ada pencerobohan atau sebarang aktiviti pembangunan di hutan simpan kekal, kecuali untuk tujuan rekreasi,” katanya.

Pelan Futuristik

Menurut Rusli, pada masa hadapan, Kerajaan Negeri adalah komited untuk mempergiat aktiviti pemuliharaan hutan tropika yang berusia ratus juta tahun, agar diurus secara lestari.

Oleh itu, tambah beliau, pihak jabatan akan mempergiat penganjuran pelbagai program pemeliharaan dan pemuliharaan seperti Program Pemeliharaan Spesies-Spesies Tumbuhan Khusus serta Hampir Pupus, Terancam dan Jarang Ditemui (ERT).

“Nyireh Pasir adalah contoh tumbuhan hutan yang di bawah maksud ERT ini, dan satu lagi adalah Merawan Unggu, di tempat lain tidak ada tumbuhan ini melainkan di Pulau Pinang sahaja,” ujarnya.

Pada masa depan, Rusli tidak menolak kemungkinan bahawa industri yang menjana gas nadir akan diminta membayar pampasan kepada negara-negara dikenal pasti mempunyai hutan simpanan kekal, kerana membekalkan oksigen kepada penduduk dunia.

“Di peringkat dunia, UNDP memang sedang mengkaji polisi yang dipanggil REDD+ iaitu *Reducing emissions from deforestation and forest degradation and the role of conservation, sustainable management of forests and enhancement of forest carbon stocks in developing countries...berkaitan perdagangan karbon*,” ujarnya.

Justeru, penduduk negeri Pulau Pinang diharap mempunyai tahap kesedaran mengenali kepentingan memelihara dan memulihara alam sekitar yang tinggi di negara ini.

“Penglibatan rakyat dalam memelihara dan memulihara amat penting bagi memastikan sumber hutan tropika di negeri ini, daripada aspek alam sekitar dan sosio-ekonomi, akan terus dinikmati oleh generasi akan datang,” jelasnya.

Naik taraf Taman Kejiranan Sungai Emas mampu tingkat kualiti hidup penduduk setempat

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

Gambar : **AHLI MAJLIS**

TANJUNG BUNGA - Hasil inisiatif Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari bersama-sama Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), projek naik taraf Taman Kejiranan Persiaran Sungai Emas melalui program *My Taman My Tanjung Bungah* berjaya direalisasikan baru-baru ini.

Menurut Zairil, projek naik taraf yang menelan belanja sebanyak RM30,000 itu berjaya disiapkan dalam tempoh masa kurang daripada sebulan.

"Antara komponen naik taraf yang dilakukan termasuk penggantian bangku-bangku lama, pemasangan peralatan gim luaran (*outdoor gym*), lampu LED baharu, naik taraf trek larian, naik taraf landskap yang lebih indah, platform untuk aktiviti zumba/*taichi* serta projek seni *grafiti* dengan kerjasama pelajar sekolah dan Kolej Universiti Han Chiang.

"Selain itu, taman kejiranan ini akan menerima pagar baharu dalam masa terdekat bagi menggantikan pagar yang telah usang, laluan masuk baru, akses lebih baik untuk orang kurang upaya

(OKU), pembaikan kepada kemudahan sukan serta peralatan gim luaran tambahan," ucapnya pada Pelancaran Program *My Taman My Tanjung Bungah* di Taman Kejiranan Sungai Emas Batu Feringghi di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Setiausaha Bandaraya bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Ir. Mohd. Addnan Razali; Ahli-ahli Majlis MBPP, Syerleena Abdul Rashid, Muhammad Bakhtiar Wan Chik dan Chris Lee Chun Kit.

Zairil dalam pada itu berharap, peningkatan kemudahan kejiranan tersebut akan turut meningkatkan kualiti hidup penduduk setempat.

"Sesungguhnya, kehidupan berkualiti berkait rapat dengan persekitaran kejiranan yang kondusif dan selesa.

"Pada masa sama, persekitaran baik akan memupuk perasaan sayang terhadap kawasan kejiranan masing-masing yang diharap dapat diterjemahkan dalam bentuk kerjasama serta semangat gotong-royong dalam kalangan penduduk," jelasnya.

Turut memeriahkan majlis pelancaran tersebut adalah aktiviti zumba, melukis mural dan penanaman pokok.



ZAIRIL Khir Johari (berkemeja putih) bergambar kenangan bersama-sama komuniti setempat dan pasukan zumba yang memeriahkan Pelancaran Program *My Taman My Tanjung Bungah* di Taman Kejiranan Sungai Emas Batu di sini baru-baru ini.

Kerja-kerja pembaikan lif Pangaspuri Sutera demi selesa penduduk

SEBERANG JAYA - Kerja-kerja pembaikan lif di Pangaspuri Sutera adalah sebahagian daripada inisiatif Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk memberikan keselesaan kepada semua penduduk, kata Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin.

Jelasnya, Kerajaan Negeri melalui usaha Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo telah memperuntukkan dana bagi kerja-kerja membaik pulih pangaspuri berkenaan terutama untuk pembaikan yang kritis seperti lif, tangki air, pendawaian dan lain-lain.

Afif yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya menjelaskan, peruntukan itu disalurkan melalui program Tabung Penyelenggaraan Maksimum 80% Pulau Pinang (TPM80PP), yang mana 80 peratus daripada kos keseluruhan projek akan dibiayai Kerajaan Negeri, manakala 20 peratus lagi oleh Lembaga Pengurusan Bersama (JMB).

"Saya difahamkan sebanyak 12 unit lif yang rosak di pangaspuri ini telah pun siap dibaike.

"Kos keseluruhan bagi projek ini adalah berjumlah RM423,364 yang mana sebanyak RM338,691.20 telah disumbangkan oleh Kerajaan Negeri, dan sebanyak RM40,000 dibiayai oleh Pejabat ADUN Seberang Jaya, manakala RM19,672.80 lagi dibiayai oleh pihak JMB.

"Manakala, RM20,000 dibiayai oleh Dato' Mohd. Rashid Hasnon (Timbalan Ketua Menteri I) dan RM5,000 oleh Datuk Seri Wan Azizah Wan Ismail (mantan Ahli Parlimen Permatang Pauh).

"(Dan) untuk makluman semua, kontraktor-kontraktor yang dilantik untuk melaksanakan projek ini telah diuruskan sepenuhnya oleh pihak JMB tanpa campur tangan Kerajaan Negeri," ucapnya pada Majlis Perasmian Kerja-kerja Pembakaan Lif-

lif Pangaspuri Sutera di sini baru-baru ini.

Dalam perkembangan berkaitan, Afif turut memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri juga kini dalam proses melaksanakan beberapa lagi projek di kawasan berkenaan antaranya, naik taraf kemudahan di empat blok Pangaspuri Merpati melibatkan kos sebanyak RM194,000.

"Kerja-kerja menaik taraf pangaspuri ini melibatkan beberapa pembakaian termasuk bumbung, pendawaian, paip utama dan tangki air.

"Oleh itu, saya ingin menekankan bahawa Kerajaan Negeri yang ada pada hari ini sentiasa prihatin dan sentiasa menjaga kebijakan rakyat Pulau Pinang serta memberikan perkhidmatan yang baik kepada rakyat," jelasnya.



DR. Afif Bahardin (kanan) menyempurnakan gimik pelancaran lif baru Pangaspuri Sutera di sini baru-baru ini.

TABUNG USAHAWAN TANI MUDA NEGERI PULAU PINANG

BORANG-BORANG BOLEH DIDAPATI DI:

JABATAN PERTANIAN +04-537 2142 JABATAN PERIKANAN +04-657 2777 JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR +04-508 4368

Perkhidmatan bas percuma, *Congestion Alleviation Transport* dilancar!

Oleh : SUNARTI YUSOFF &
NORSHAHIDA YUSOFF
Gambar : NOOR SITI NABILAH
NOORAZIS

SEBERANG JAYA

- Perkhidmatan bas percuma, *Congestion Alleviation Transport* (CAT) yang dilancarkan 1 April lalu adalah salah satu daripada inisiatif Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang dalam mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di negeri ini.

Selain laluan membabitkan kawasan Air Itam, turut dilancarkan baru-baru ini adalah di Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah (SPT).

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, perkhidmatan CAT secara keseluruhannya meliputi 12 laluan terpilih yang telah dicadangkan.

"Kerajaan Negeri tidak pernah puas dan sentiasa ingin memperbaiki serta mengembangkan sistem perkhidmatan pengangkutan awam di negeri ini."

"Diharap, perkhidmatan ini menjadi satu alternatif dalam menggalakkan pengguna menggunakan perkhidmatan awam untuk menjalankan kegiatan harian mereka, dan seterusnya membantu mengurangkan kesesakan lalu lintas terutamanya pada waktu puncak," ujarnya pada Majlis Pelancaran Perkhidmatan Bas Percuma CAT (Laluan Air Itam) 1 April lalu.

Dalam pada itu, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan



CHOW Kon Yeow (kanan sekali) bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri merakam gambar kenangan dalam salah sebuah bas pada Majlis Pelancaran Perkhidmatan Bas Percuma CAT (Laluan Bukit Mertajam) di sini baru-baru ini.

Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow pada majlis pelancaran laluan Bukit Mertajam menyatakan bahawa inisiatif tersebut adalah kerjasama antara Kerajaan Negeri dengan rakan strategik, Rapid Penang dan agensi berkaitan khususnya SPAD (Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Darat), badan kawal selia serta badan yang mengeluarkan permit kepada perjalanan dan perkhidmatan bas berkaitan.

"Sebenarnya idea untuk memberikan perkhidmatan bas percuma kepada rakyat bermula dari tahun 2009 yang mana kali pertama diperkenalkan di Bandaraya George Town dan seterusnya untuk pekerja-pekerja di Bayan Lepas yang tinggal di Seberang Perai.

"Kita (Kerajaan Negeri) juga memperluaskan perkhidmatan kepada penjawat awam di Komtar yang boleh

dinaiki di tiga lokasi iaitu di Bertam, Sunway Carnival Mall dan Seberang Perai Selatan (SPS) dengan sedikit bayaran iaitu RM50 sebulan bagi memastikan mereka yang berdaftar benar-benar menggunakan perkhidmatan ini," ujarnya pada majlis pelancaran bas berkenaan di perkarangan pejabat MPSP di sini.

Berikut adalah peta laluan bagi CAT Air Itam dan CAT Bukit Mertajam.



PETA laluan CAT Air Itam.



PETA laluan CAT Bukit Mertajam.